

Volume II
No. 26



Saturday
27th November, 1965

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

SECOND SESSION OF THE SECOND DEWAN RA'AYAT

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 3954]

SITTING OF THE HOUSE (Motion) [Col. 3955]

BILL:

The Supply Bill, 1966—

**Committee of Supply (First Allotted Day) Heads S. 1
to 11 [Col. 3956]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the Second Dewan Ra'ayat

Saturday, 27th November, 1965

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

- The Honourable the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour,
ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance,
ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister,
ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasar Mas Hulu).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja
(Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' D. A. DAGO ANAK RANDEN *alias* DAGOK ANAK RANDAN
(Sarawak).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johore Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).

The Honourable WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).

The Honourable RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAJUDDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, Assistant Minister of Commerce and Industry (Kota Star Utara).
- „ DR NG KAM POH, J.P., Assistant Minister of Finance. (Telok Anson).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).

The Honourable DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ DATO' KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

SOCIAL SECURITY SCHEMES

1. Enche' C. V. Devan Nair (Bungsar)
asks the Minister of Labour to state the progress made towards the implementation of social security schemes announced in 1964.

The Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr Speaker, Sir, social security schemes are highly technical matters, and since Government's decision announced in 1964, we

have been endeavouring to obtain competent expert assistance from countries which have experience in this field. I am happy to announce, Sir, that we have already obtained the services of an expert under the Colombo Plan from India. He has already commenced his work and is soon to hold discussions with the various interests concerned with social security—employers, employees, medical authorities and others. He will thereafter submit his report on the feasibility and method of establishing a social insurance scheme not only for permanent invalidity but also to cover other contingencies, such as employment injury, maternity and sickness. Where possible, the expert has also been requested to suggest preliminary draft legislation.

EXTENSION OF COLLECTIVE AGREEMENTS BILL

2. Enche' C. V. Devan Nair asks the Minister of Labour to state the reasons for the inexplicable and considerable delay in presenting to Parliament the Extension of Collective Agreements Bill finalised some three years ago and whether he would now accelerate action to have this Bill introduced as law.

Enche' V. Manickavasagam: Mr Speaker, Sir, I agree that there has been some delay in introducing the Bill for Extension of Collective Agreement in the House. The Bill has not yet been finalised, as certain aspects of the Bill as originally drafted appear to need further consideration. Sir, this is now being done.

Enche' C. V. Devan Nair: Mr Speaker, Sir, may we know how soon the reconsidered draft of the Bill will be made public?

Enche' V. Manickavasagam: Sir, I can assure the Honourable Member that we would consider all aspects and bring it to this House as soon as we can.

WORKMEN'S COMPENSATION ORDINANCE—AWARDS UNDER SECTION 37

3. Enche' C. V. Devan Nair asks the Minister of Labour to give details of the cases heard under section 37 of the Workmen's Compensation Ordinance and the amount of award made in each case, during the first nine months of 1965.

Enche' V. Manickavasagam: Mr Speaker, Sir, section 37 of the Workmen's Compensation Ordinance does not relate to the hearing of workmen's compensation cases but only to the costs of any proceedings before an arbitrator under the Ordinance. It is not known that any awards as to costs have been made under this section.

SITTING OF THE HOUSE

(Motion)

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That, notwithstanding the provisions of Standing Order 12 (1), this House at its

rising at 1 p.m. today shall stand adjourned till the next sitting day.

As Honourable Member are aware, Saturday afternoon is never a very popular time for Honourable Members and perhaps we might continue our traditional practice of not sitting on a Saturday afternoon.

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved.

That, notwithstanding the provisions of Standing Order 12 (1), this House at its rising at 1 p.m. today shall stand adjourned till the next sitting day.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1966

Order read for resumed consideration of the Supply Bill, 1966 in Committee of Supply (First Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker *in the Chair*)

Heads S. 1 to 11—Schedule

Datin Fatimah binti Haji Hashim Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, Head S. 7—Perdana Menteri. Tuan Pengerusi, sa-masa Dewan ini mengadakan persidangan pada tarikh 10hb Ogos, 1965, saya telah membuat pertanyaan ia-itu bila tuntutan gaji dan sharat² perkhidmatan yang sama untuk kakitangan Kerajaan kaum wanita akan di-laksanakan dan jawapan Kerajaan ia-itu Kerajaan bersetuju, pada dasar-nya, hendak memberikan pegawai² wanita tangga gaji yang sama seperti kaum laki² mula daripada 1hb Januari, tahun 1965. Tetapi oleh sebab chara² untuk di-laksanakan oleh Kerajaan telah tidak di-terima oleh Staff Side Whitley Council dan National Joint Council dan Staff Side telah menghantarkan pula chadangan yang lain sa-bagai ganti-nya serta menuntut supaya pelaksanaan itu di-kebelakangkan tarikh-nya pada 1hb Januari, 1963, maka pehak Kerajaan

sekarang sedang menimbangkan. Chaudhary dan keputusan segera akan dibuat. Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya ingin tahu di-dalam tempoh empat bulan yang lalu, sa-banyak mana-kah langkah² yang telah di-ambil untuk menyegerakan pembayaran-nya. Terima kasih.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): C. 5, muka 9—Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat. Saya dapat tahu, Dato' Pengerusi, tanggung-jawab Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat ini sangat berat. Jadi di-sini saya mendatangkan shor supaya Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat itu di-tambah lagi. Sekarang kita ada Timbalan Yang di-Pertua, jadi saya rasa patut kita adakan Timbalan Yang di-Pertua pertama, yang kedua, yang ketiga sa-terus-nya supaya tanggung-jawab

Mr Chairman: Itu di-bawah kepala mana?

Enche' Tajudin bin Ali: Di-bawah Yang di-Pertua, Dewan Ra'ayat.

Mr Chairman: Itu tidak boleh di-bahatuhkan.

Enche' Tajudin bin Ali: Parlimen.

Mr Chairman: Tidak boleh di-bahatuhkan. Itu "C".

Enche' Tajudin bin Ali: Baik-lah, Dato' Pengerusi, saya masuk di-sini—Perdana Menteri, muka 45, Butiran 26—Setia-usaha Khas. Dato' Pengerusi, ini saya ingat patut di-tambah juga memikirkan tanggung-jawab Setia-usaha Khas ini berat sangat. Baharu² ini kita sakalian tahu negara kita ini datang lawatan yang istimewa daripada President South Korea, Perdana Menteri Vietnam Selatan dan sa-terus-nya banyak lagi orang besar² datang melawat ka-negara kita ini. Tetapi saya nampak, Dato' Pengerusi, daripada satu masa ka-satu masa, Ahli² Parlimen ini sudah pun ketinggalan tidak ada lagi jemputan daripada pihak Perdana Menteri. Saya berpendapat oleh sebab pegawai ini banyak sangat tanggung-jawab-nya maka itu-lah saya mendatangkan shor supaya jawatan ini di-tambah lagi. Dato' Pengerusi, sa-bagai Ahli² Parlimen,

saya berpendapat, patut-lah sakalian Ahli Parlimen, daripada Kerajaan dan juga pihak Pembangkang, datang merai'kan pembesar² yang datang dari luar negeri. Jadi, tidak-lah baik saya rasa Ahli² daripada Kuala Lumpur sahaja di-jemput menghadhiri majlis² yang istimewa, menyambut tetamu² daripada luar negeri. Jadi pada hari yang ka-hadapan, saya rasa kalau sa-kira-nya pegawai² ini sangat berat tanggung-jawab-nya, patut sangat-lah kita mendapat pembantu-nya supaya Ahli² Parlimen di-luar daripada Kuala Lumpur ini dapat di-jemput supaya sama² kita dapat merai'kan lawatan istimewa wakil² daripada negara² dalam Commonwealth dan juga di-dalam dunia ini apabila mereka itu datang ka-Ibu Kota Kuala Lumpur kita.

S. 9 Butiran 2, Dato' Pengerusi, Timbalan Ketua Pegawai Perjawatan. Ini pun saya rasa jawatan ini yang dipegang oleh sa-orang pegawai sahaja sangat berat tanggungan-nya dan saya shorkan patut-lah di-tambah, memikirkan satu perkara yang sangat penting bagi negara kita, Dato' Pengerusi, ia-itu ada pegawai² yang berkhidmat di-pejabat² Kerajaan Pusat di-seluruh negara kita, duduk dalam satu jawatan itu terlampau lama. Oleh sebab itu datang-lah bermacam² fikiran atau tuduhan yang tidak baik. Saya tahu kadang² sa-orang pegawai yang memegang satu jawatan dalam satu pejabat duduk sampai tujuh atau lapan tahun. Ini tidak baik dari segi pentadbiran, kerana bermacam² perkara yang kurang baik boleh datang atau menjaral kepada mereka itu. Oleh sebab itu, saya harap pegawai ini dapat mengawasi supaya satu² pegawai yang penting dalam satu² pejabat itu jangan di-biarkan tinggal lama sangat. Sekian-lah. Terima kasih.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Dato' Pengerusi, muka surat 27, Head 1—Parliament, Butiran (6), Bayaran Khidmat Ahli² Dewan Ra'ayat dan muka surat 29, Sub-head 4—Belanja berkaitan dengan Meshuarat Parlimen. Di-atas peruntukan yang telah ada di-tunjokkan di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini, saya tidak-lah hendak meminta², tetapi

hanya-lah saya hendak menarek perhatian Kerajaan. Terlebih dahulu saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh di-atas penghargaan Kerajaan terhadap kapada Perkhidmatan Ahli² Dewan dan juga memberi kemudahan² kapada sakalian Ahli² Dewan Ra'ayat.

Di-sini saya suka pula menarek perhatian Ahli² yang duduk di-dalam Dewan yang berbahgia ini, ada juga dasar bagaimana orang yang lebeh senang tahu ia-itu dasar "Have have" dan "Have not" ia-itu "dasar berada" dan "dasar yang tidak berada". Tetapi kami duduk di-sini ia-lah dengan pilehan ra'ayat, untuk bekerja kerana ra'ayat, tetapi dengan dukachita-nya, saya sa-bagai Ahli Dewan Ra'ayat yang datang daripada negeri Pahang, tidak ada penghargaan yang di-beri oleh Kerajaan Negeri terhadap kapada Ahli² Dewan Ra'ayat yang menjalankan tugas-nya kerana ra'ayat di-dalam negeri. Kami selalu di-panggil bermesuarat dengan kehendak Ketua Kerajaan Negeri, hadir di-Meshuarat Pembangunan Luar Bandar dan lain², tetapi dengan dukachita-nya peruntokan untuk membasahkan tekak tengah jalan itu tidak ada. Bagaimana saya katakan tadi, saya tidak meminta², tetapi hendak memberi pandangan saya kapada Kerajaan.

Lagi pula di-dalam Supply Head 1—Parlimen. Ini tidak ada nampak-nya wang di-sediakan—sudah tujuh tahun duduk dalam Parlimen, sudah tujuh kali membincangkan Anggaran Belanjawan ini—tidak ada peruntokan wang pendahuluan kerana menolong Ahli² Dewan ini supaya dapat membeli motokar. Motokar ini bukan-lah untuk hendak bersenang² atau pun untuk kemudahan² kerana keluarga sahaja, tetapi bila di-pilih menjadi Ahli Dewan Ra'ayat, terpaksa menjaga taraf Ahli Dewan Ra'ayat—ia-itu satu daripada perkara yang patut ia-lah sa-buah motokar supaya boleh menjalankan kerja dengan chepat dan lebeh sempurna—bagaimana dalam perbahathan satu Rang Undang², satu usul yang di-kemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri sa-malam, Yang Berhormat daripada Kota Bahru Hilir telah mengatakan, "Ahli Parlimen ini berkhidmat sa-lama 24 jam, tugas-nya tidak

tentu, kerana sentiasa melayan kehendak² ra'ayat dan juga menolong kesusahan² ra'ayat." Jadi apabila ra'ayat berkehendakkan pertolongan, hendak pergi ka-Rumah Sakit atau pun kesusahan² yang lain, terpaksa-lah kadang² Wakil Ra'ayat itu meminjamkan motokar-nya. Ada juga sa-tengah daripada Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini daripada jumlah yang tidak berada, telah ada memakai motokar lebeh daripada empat tahun dan rupa motokar itu tidak-lah berupa motokar sa-orang Wakil Ra'ayat yang patut menjaga taraf negara kita yang merdeka dan berdaulat ini. Sekian, terima kaseh.

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan berchakap di-dalam S. 5—Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam. Saya hendak melahirkan sadi-kit rasa kesal terhadap perjalanan dan tugas sa-tengah² daripada Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam (Public Services Commission) yang mana kebanyakan daripada temuduga² yang di-adakan, kerana kenaikan pangkat pegawai² Kerajaan. Biasa-nya dapat kita menelah bahawa mereka² yang hendak di-naikkan pangkat atau di-ambil bekerja, nama² memang sudah ada di-dalam ranchangan panggilan temuduga, (interview) itu, dapat-lah pula di-anggap sa-bagai pilih mata sahaja. Sebab-nya yang saya katakan demikian, kerana sa-panjang yang sampai ka-pengetahuan saya, selalu sahaja soalan² yang di-kemukakan oleh yang bertanggung jawab, menemudugakan kapada orang² yang di-temudugai itu, tidak ada berkaitan-langsung dengan perkara² yang sa-patut-nya di-hadapkan kapada orang² yang di-soal itu.

Umpama-nya, satu sahaja yang hendak saya nyatakan di-sini ia-itu di-tanyakan nama isteri² Duta yang di-luar negeri atau pun nama² isteri² kapada Menteri². Kalau-lah nama² Menteri atau nama² isteri Menteri yang kenamaan yang selalu nama di-siarkan di-akhbar² atau sa-kurang²-nya, nama Duta itu sendiri dapat terlintas kapada orang ramai yang di-temuduga-nya itu. Tetapi kalau nama isteri² yang tinggal

di-rumah, siapa-kah yang mengetahuinya? Banyak lagi pertanyaan² yang tidak masuk pada akal dan tidak sesuai dengan kehendak si-penemuduga itu pernah di-lakukan, sa-mata² untuk memotong markah orang yang tidak di-kehendaki menerima jawatan yang di-temudugai itu. Yang demikian pada fikiran saya, kalau itu-lah tujuan-nya, elok-lah di-pilih sahaja siapa² yang di-sukai oleh pegawai² yang bertanggung-jawab dengan tugas² yang di-temuduga itu dengan tidak payah menemudugai-nya.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, apa yang di-maksudkan ia-itu dalam muka berapa dan butiran berapa?

Mr Chairman: Muka berapa?

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid: S. 1 muka 27, Tuan Pengerusi, saya akan berchakap atas Kepala S. 1 mengenai kakitangan pejabat yang bekerja di-bangunan Parlimen.

Sa-bagaimana kita sedia ma'alum, pada masa kita bersidang ini, Tuan Pengerusi, kakitangan Kerajaan yang bekerja di-pejabat ini telah bertugas lebih daripada 7 jam dalam satu hari, tetapi saya telah di-fahamkan ia-itu kakitangan Kerajaan Tingkatan III dan Tingkatan IV telah di-kechualikan daripada mendapat bayaran elaun atau overtime, manakala kakitangan Tingkatan IV telah di-beri wang di-antara 30 sen dan 50 sen sa-hari untuk mereka minum kopi dan kakitangan Tingkatan III di-beri chuti untuk menggantikan kerja mereka yang telah lebih daripada waktu yang telah di-hadkan.

Saya menhadangkan, Tuan Pengerusi, supaya mereka ini tidak di-beri chuti dan sa-patut-nya di-bayar sedikit elaun sa-bagai sagu hati kepada mereka, kerana chuti yang di-berikan kepada mereka itu tidak bererti, kerana mereka tidak dapat memenohkan chuti mereka itu dengan perasaan yang gembira di-sebabkan keadaan kehidupan mereka itu hanya dengan sa-chukup² pendapatan sahaja. Mereka lebih suka bekerja dengan mendapat sedikit tambahan daripada mereka di-beri chuti. Dari itu saya berharap

supaya pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian terhadap kakitangan yang tersebut.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit dalam Head S. 7 muka surat 55 berkenaan dengan Bahagian Peranchang Ekonomi, Tuan Pengerusi, di-dalam buku ini ada menunjukkan bahawa tiap² tahun Kerajaan Malaysia ini membelanjakan wang kerana Peranchang Ekonomi pada tahun 1965 sa-banyak \$452,300 dan pada tahun 1966 ini akan di-belanjakan sa-banyak \$370,652 dan telah di-tentukan kepada butir² yang ada di-dalam ini. Mithal-nya butir 55—Elaun Pakar² yang di-beri Mengikut Rancangan Bantuan Teknik Bangsa² Bersatu, Butiran 56—Ranchangan Kerjasama Teknik di-bawah Rancangan Colombo, Butiran 57—Pemberian kepada Jawatan-kuasa Ekonomi Commonwealth, Butiran 58—Buku Panduan Ekonomi, Butiran 59—Pemberian kepada Lembaga Asia untuk Pembangunan Ekonomi, Butiran 60—Elaun bagi Pakar² Rancangan Colombo, Butiran 61—Ranchangan Lima-Tahun Malaysia Yang Pertama.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat keterangan dan penjelasan daripada Menteri yang mengemukakan ini supaya dapat di-jelaskan tiap² satu-nya tugas² yang telah di-jalankan dan akan berjalan pada masa hadapan ini dan juga, kalau dapat, supaya di-laporkan penyiasatan² dan ranchangan² ekonomi yang telah di-kemukakan kepada Kerajaan Malaysia ini dan mana-kah hasil daripada nasihat atau pun penyiasatan yang telah di-kemukakan kepada Kerajaan Malaysia ini, yang telah berjalan dan yang mana-kah maseh belum berjalan lagi.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini amatlah penting-nya di-ketahui oleh Ahli² Dewan Ra'ayat dan di-sampaikan pula kepada seluruh ra'ayat negeri ini. Tuan Pengerusi, saya tertarik hati kepada perbelanjaan menyiasat kelayakan tanah. Saya rasa tentu-lah pihak pakar² ini telah pun menjalankan penyiasatan-nya bagi menentukan kawasan² yang membolehkan bagi satu²

jenis tanaman itu di-tanam. Mithalnya, sekarang ini kita telah tahu dan sa-malam telah di-kemukakan satu Rang Undang² berhubung dengan masalah nanas dan kita nampak bahawa cannery atau pun tempat tanah yang telah di-akuī atau pun telah dijalankan perusahaan nanas ini ia-lah di-negeri Johor sahaja. Sedangkan kita yakin dan perchaya, Tuan Pengerusi, kalau di-buat penyiasatan dengan bersungguh² maka kita perchaya, mithalnya, macham di-Trengganu tegas-nya di-kawasan saya di-Besut, ada orang yang bertanam nanas, tetapi dengan chara yang tidak terator dan tidak mendapat pandangan dan nasihat yang betul dan belum pun lagi pehak Kerajaan memberi shor² yang baik supaya penanaman itu dapat di-jalankan dengan chara baik dan akan di-bangunkan pula kilang nanas di-Besut atau pun di-Trengganu dan saterus-nya di-negeri² lain. Dan ini, Tuan Pengerusi, amat-lah mustahak supaya pakar² ini, jangan-lah hanya di-minta oleh pehak Kerajaan Malaysia ini membuat ranchangan atau pun penyiasatan di-atas ranchangan² yang besar sahaja, sedangkan kita tahu dengan ranchangan² yang besar di-jalankan itu, maka maseh lagi Kerajaan Malaysia ini tidak dapat menutupi orang² yang tidak dapat kerja. Pada akhir tahun 1965 ini sudah selesai-lah Ranchangan Lima-Tahun Yang Pertama dan akan masuk pula kepada Ranchangan Lima-Tahun Malaysia Yang Pertama pada tahun 1966 ini. Jadi kita nampak, Tuan Pengerusi, agaknya hasil daripada penyiasatan atau pun shor² yang telah di-beri oleh pakar² ini kepada Kerajaan Malaysia ini ia-lah dalam soal kemudahan², saperti jalan raya, water supply, electricity dan lain² lagi. Maka saya ingin menarek perhatian Dewan ini supaya di-dalam Ranchangan Lima-Tahun Malaysia Yang Pertama ini di-minta nasihat daripada pakar² ini membuat ranchangan yang lebeh meliputi.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, kita dalam peringkat Jawatan-kuasa. Jadi nampak-nya Fasal 25 dalam Peratoran Meshuarat

menghadkan perbahathan atas butir², bukan di-atas dasar-nya lagi.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya rasa saya tidak keluar daripada apa yang saya chakapkan ini, sebab ini ada terben-tang masalah pakar.

Mr Chairman: Jalankan-lah per-bahathan itu.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, sa-panjang yang saya tahu, tetapi kalau tidak betul, saya harap Menteri ini menerangkan kerja pakar ini, tentu-lah pakar² ini membuat penyiasatan dan memberi shor kepada pehak Kerajaan. Ini-lah yang saya menarek perhatian Rumah yang mulia ini. Jadi, Tuan Pengerusi, itu-lah sa-bagaimana yang saya katakan tadi, saya harap supaya Kerajaan Malaysia ini meminta nasihat dan membuat penyiasatan daripada pakar² yang banyak ini supaya di-dalam Ranchangan Lima-Tahun Malaysia Yang Pertama ini akan dapat membuat ranchangan², bukan sahaja yang boleh memberi kemudahan² kepada ra'ayat di-luar bandar atau pun ra'ayat di-kampong², tetapi hendak-lah di-minta nasihat dan di-buat ranchangan untok menambahkan pendapatan bulanan—yang bererti, mithal-nya, macham cottage industry—membuat perusahaan² kecil yang akan boleh ra'ayat di-luar bandar atau pun di-kampong² itu bekerja dan menjalankan perusahaan², bukan-lah sa-mata² membuat ranchangan² yang besar dan di-harapkan ra'ayat menjadi buroh sahaja, Tuan Pengerusi. Sedangkan bagitu, maseh ramai lagi ra'ayat dalam negeri ini kekurangan pekerjaan. Ini-lah masalah nya, Tuan Pengerusi, yang saya suka menarek pandangan di-dalam Rumah yang mulia ini dan bagaimana saya katakan tadi, saya harap-lah kepada Menteri yang mengemukakan ini, menerangkan kerja² atau pun tugas² tiap² bahagian pakar² yang telah di-datangkan dan berapa belanja telah di-belanjakan dan akan di-belanjakan lagi pada tahun hadapan ini, supaya kita sama² dapat tahu dan sama² dapat mengikuti dan dapat memberi tahu kepada seluroh ra'ayat di-dalam negeri

ini dan dapat pula menasihatkan kepada ra'ayat itu supaya menjalankan kerja² yang akan boleh menambahkan mata pencharian kepada ra'ayat negeri ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

Enche' Abdul Razak bin Haji

Hussein (Lipis): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh S. 1 Butiran 4—Setia-usaha Majlis Dewan Ra'ayat. Tuan Pengerusi, rasa-nya Ahli Dewan ini sendiri dan Setia-usaha Majlis Dewan Ra'ayat sendiri tahu bahawa masing² ada kelemahan. Sa-bagaimana yang saya katakan, Tuan Pengerusi, saya rasa kakitangan Jabatan Parlimen ini maseh kekurangan. Saya tidak-lah berhajat hendak membuka rahsia, chuma saya hendak bisekkan supaya Dewan ini tahu. Budget dalam tahun 1964 dahulu, kita belum habis menerima chatitan persidangan itu. Ini erti-nya sa-tahun perkara ini berlalu menempoh Budget yang kedua dalam tahun 1965 ini pun, kita maseh belum menerima apa yang di-chatitkan di-dalam perbahathan Dewan Ra'ayat pada tahun yang dahulu. Maka ini menunjukkan kekurangan kakitangan Jabatan Parlimen ini sendiri. Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat hendak menudoh, tetapi biasa-nya kita di-jadi sasaran, kita membetulkan bengkok² orang lain yang bengkok, sedang bengkok kita sendiri tidak kita betulkan. Jadi saya minta-lah, Tuan Pengerusi, perkara ini di-ambil ingatan oleh Menteri Yang Berhormat, supaya kekurangan dalam Jabatan Parlimen ini mohon-lah ditambah, kalau boleh, sa-berapa chepat lagi baik.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh sadikit Butiran 18 dan 19—Bentara Meshuarat, dan Bentara Meshuarat Sambilan. Tuan Pengerusi, saya bersetuju sangat Bentara Meshuarat sambilan ini di-adakan. Kita tahu, bahawa kita ini ada-lah manusia biasa yang kekurangan dan kira-nya ada sambilan bantuan-nya, saya fikir ini sangat baik. Jadi saya rasa peruntukan \$10 yang di-nyatakan ini supaya dapat di-isi pada tahun ini sa-berapa chepat yang baik.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya sukachita hendak mengatakan, Bentara

Meshuarat ini ada bilek-nya; tertulis di-luar besar—Bentara Meshuarat. Kalau kita masok ka-dalam bilek itu, kita terperanjat, rupa-nya setor buku². Sa-patut-nya Bentara Meshuarat ini, kita patut letakkan di-satu tempat, supaya sesuai kedudukan-nya—ada banyak bilek yang kosong di-sini. Tuan Pengerusi, saya tidak membangkitkan perkara hendak memalukan Dewan ini, tidak! Saya hendak menjaga dan mengingatkan perkara kechil biasa-nya orang tidak mengambil bagitu kira. Tetapi kalau sa-kira-nya ada pelawat luar negeri, hendak mohon tengok mana dia bilek Bentara Meshuarat. Kita pun dengan segala hormat menunjukkan ini dia. Bila masok, terperanjat, lain di-luar lain di-dalam. Jadi saya harap, Tuan Pengerusi, kerana Tuan Pengerusi juga Pengerusi di-Parlimen ini, saya meminta ma'af, saya menegor tetapi tegoran saya ikhlas; saya harap, di-dalam meshuarat yang akan datang keadaan ini sudah berubah.

Kemudian saya berjangkit, Tuan Pengerusi, Kepala S. 9—ini-lah perkara yang saya hendak berchapak pada pagi ini, meminta perhatian. Pertama sa-kali saya hendak sentoh S. 9 Butiran 1—Ketua Pegawai Perjawatan, Tuan Pengerusi, ada satu masaalah pada satu² Pegawai² Kerajaan ini, sapanjang yang sudah ini pegawai Kerajaan ini menunjukkan kerja yang sangat terpuji bagi menjalankan perkhidmatan negara kita. Ini bukan sahaja di-aku² oleh Ketua kita, Menteri kita atau Ahli Dewan ini, tetapi di-aku² oleh negara luar—bahawa tinggi-nya perkhidmatan pegawai² di-Malaysia ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, pegawai kita ini ada sadikit kelemahan. Bila masa-nya di-chadangkan mereka itu di-tukar ka-timor, umpama, kata-lah ka-negeri Pahang, mereka minta berhenti sampai sanggup dia meletakkan jawatan. Dia takut ka-Pantai Timor barangkali dia lebeh suka ka-Kelantan, Kota Bahr, tetapi dia takut ka-negeri Pahang, boleh jadi kerana jalan-nya bengkok. Ini-lah perkara-nya yang saya minta pertimbangan perkara ini dapat diperbaiki, kapada pegawai² kita dengan rasa yang ikhlas, saya menyeru,

mari-lah kita sama² berkhidmat kepada negeri ini, kita tunjukkan kekebalan semangat dan jiwa kita, di dalam segi pembangunan negara sekarang. Saya tahu, Tuan Pengerusi, perkara ini dan umum mengetahui; dalam *Utusan Melayu* 16hb November, 1965, Menteri Besar Pahang, telah membuat ucapan bahawa beliau mengatakan di-antara lain ucapan itu, "Bahawa juga di-nyatakan Peruntukan Pegawai² di-negeri Pahang juga adalah terlalu kurang kerana pegawai yang ada sekarang ini terpaksa mengawasi sa-tiap projek di-dalam negara kita." Ini satu ucapan yang dikemukakan pada orang ramai oleh sa-orang Menteri yang bertanggungjawab dalam sa-buah negeri, ini sudah tentu bahawa-sa-nya peruntukan pegawai pada sa-bilangan negeri ini masih kekurangan.

Tetapi walau macham mana pun beliau memuji bahawa-sa-nya, pada umum-nya, walau pun pegawai² kita berkurangan, tetapi mana pegawai yang ada itu telah menunjukkan kerja yang baik. Jadi ini saya minta-lah, Tuan Pengerusi, Pegawai Pejabat Perjawatan ini menimbangkan masalah ini.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya tidak menyentuh dasar tetapi chuma saya hendak menyatakan, penukaran pegawai biasa-nya memandang kepada kedudukan tempat pegawai di-tempatkan, umpama-nya, pegawai ini dalam satu daerah dia sudah tidak patut duduk di-dalam daerah ini, kemudian dia di-tukarkan. Jadi memandang kepada kenaikan pangkat dia terpaksa tukar. Sa-bagai sa-orang biasa, dia mesti menerima pertukaran itu—tetapi dengan sebab pertukaran pegawai yang ada kebolehan, kita gantikan dengan pegawai yang kurang pengalaman sedikit, jadi ranchangan kita yang hendak dilaksanakan di-tempat² yang tidak ada itu, boleh jadi terlambat sedikit. Jadi saya harap pada Menteri Yang Berhormat menimbangkan, kenaikan pangkat ini, jangan-lah berdasarkan sangat kepada tempat mana yang kosong. Saya tahu banyak pegawai² hendak ka-Kuala Lumpur, banyak keistimewaan di-Kuala Lumpur. Kemudahan-nya lebih, per-

sekolahan mudah boleh menambah pengetahuan. Jadi seperti saya kata tadi, tidak ada pegawai yang mahu keluar kalau ada pun, hanya dia mengikut perintah sahaja-lah. Jadi perkara ini patut di-baiki. Satu daripada-nya yang saya harap, Tuan Pengerusi, kekurangan pegawai² di-negeri saya, bagaimana saya katakan tadi, saya harap Menteri Yang Berhormat dan Pegawai Pejabat Perjawatan ini mengambil pandangan, kerana tuan² tahu dalam kebanggaan tanah Malaysia kita ini atau tanah besar di-Malaysia ini. . . saya rasa negeri Pahang, masih banyak bahan², banyak tempat² yang boleh menampung kekurangan di-tempat lain. Jadi dalam segi sekarang ini, Tuan Pengerusi, kalau kita dapat menghantar pegawai yang baik, pegawai yang banyak pengalaman, kejayaan ini lebih cepat kita dapati. Saya tahu, Tuan Pengerusi, banyak Pegawai² Perubatan, tidak begitu suka pergi ka-Pahang umpama-nya. Jadi ini-lah masalah yang saya minta pertimbangan daripada pegawai² itu sendiri, demi kepentingan negeri dan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya hendak menhadangkan—kalau ini di-bolehkan—saya harap Jabatan Perjawatan ini boleh menasihatkan Negeri supaya di-adakan Pegawai Negeri—Pegawai Perkhidmatan Negeri. Pada masa ini, Tuan Pengerusi, chuma negeri Johor, Kelantan, Trengganu, Kedah, mungkin Perlis juga, yang ada Pegawai Perkhidmatan Negeri ini. Jadi negeri yang dahulu nama-nya F.M.S. tidak ada Pegawai Perkhidmatan Negeri. Jadi saya fikir, ini satu jalan yang baik kita boleh melateh pegawai² kita lebih banyak. Di-negeri yang dahulu-nya F.M.S. dia ada pegawai Melayu, tetapi di-negeri yang bukan F.M.S. dia ada pegawai² negeri, kalau sa-kira-nya sekarang ini di-negeri, yang saya kata tadi negeri F.M.S. dahulu-nya, Pahang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, jikalau kita adakan Pegawai Perkhidmatan Negeri ini—State Civil Service—ini boleh menampung kekurangan pegawai. Jadi pegawai kita boleh dilateh, tetapi bukan ma'ana-nya dengan ada-nya Pegawai Perkhidmatan Negeri ini, Pegawai Tadbir P.T.M. itu kita tidak kehendaki, tidak, tetapi ini satu

chara kita menambah pegawai. Jadi saya rasa, Tuan Pengerusi, kalau chadangan saya ini dapat pertimbangan, saya fikir ini satu jalan yang boleh mengatasi bagaimana kekurangan pegawai. Sekian-lah, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya turut sedikit hendak berchakap dalam Jawatan-kuasa ini dengan meminta ma'af-lah pada sahabat saya di-depan itu sebab saya tidak nampak dia, ia-itu dalam S. 1 berkenaan dengan Dewan Negara.

Mr Chairman: Muka berapa?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, muka 27 S. 1 gaji² bagi Dewan Negara ia-itu Butir (3)—Bayaran Khidmat Ahli² Dewan Negara. Tuan Pengerusi, sa-tahu saya elaun perkhidmatan bayaran yang di-bayar kepada Ahli² Dewan Negara ini kurang daripada apa yang di-bayar kepada Ahli² Dewan Ra'ayat ini. Saya minta-lah pada pehak Kerajaan supaya Ahli² Dewan Negara juga, kalau tidak di-lebeuhkan pun, di-samakan dengan Ahli² Dewan Ra'ayat ini. Kerana, Tuan Pengerusi, Dewan Senate ini dia Upper House—dia lebih tinggi daripada kita. Jadi satu hamba Allah yang kita pilih dan letakkan dalam Dewan tertinggi daripada kita, tiba² dia dapat elaun lebih rendah daripada kita yang rendah ini. Ini tidak logik pada pendapat saya, saya tahu-lah Kerajaan memandang tidak apa sahaja pada Dewan Negara itu, sebab boleh jadi dia orang memikir, ini rubber stamp sahaja, tetapi kedudukan kita ini berbeza di-antara Dewan Bawah dengan Dewan Atas itu, kalau dia tidak lebih pun biar-lah dia sama dengan kita, baharu-lah nampak kehormatan itu ada.

Sa-lain daripada itu pula kita sudah ada, baharu² ini ada insuran begitu bagini, orang itu gaji pun rendah, insuran pun tidak ada, kalau dia orang tidak luluskan, meshuarat kita ini susah-lah, apa pun tidak boleh buat. Jadi kita tidak fikir pada itu semua, kita kasehan-lah pada orang² itu, dia pun sedikit sangat, jadi saya minta-lah di-tambahkan lagi.

Ada pun di-bawah Dewan Ra'ayat ia-itu Butiran 6—Bayaran Khidmat Ahli² Dewan Ra'ayat ini pun, kalau Kerajaan hendak tambah dari \$1,250 pun tidak apa juga, supaya bahagi sama-lah, kalau kita dapat \$1,250 dia pun \$1,250 juga, lagi ada balance di-situ supaya jangan ada dengki²-lah.

Ada pun di-bawah kakitangan Jabatan Parlimen Butiran 11, Tuan Pengerusi, ada timbul kesulitan kurang kakitangan pegawai kita di-sini, sabagaimana yang di-sebutkan oleh sahabat saya dari Lipis. Saya suka menarek perhatian Kerajaan ia-itu patut-lah di-adakan lagi Pegawai Penyunting Perbahathan Parlimen ini yang tahu bahasa Arab, supaya orang itu bila dalam Parlimen ini di-chakap hadith atau pun ayat Quran, dia dapat-lah menulis, jikalau tidak pegawai yang berkenaan itu selalu chari saya di-kantin, sebab hendak di-perbetulkan, sebab itu saya jarang sangat keluar daripada Dewan ini hendak pergi membetulkan perkara itu (*Ketawa*). Jadi kalau sa-kira-nya ada pegawai itu sudah siap dia boleh menulis, saya tidak payah selalu keluar Tuan Pengerusi. (*Ketawa*).

Berkenaan dengan Butiran 14—Penolong Pegawai Perpustakaan. Tuan Pengerusi, saya kaitkan Perpustakaan ini dengan belanja² yang kenamengena dengan Perpustakaan, saya tidak tahu di-mana nombor dia—di-bawah special expenditure pun ada, dan di-bawah lain² perbelajaan pun ada—tetapi yang penting-nya berkenaan dengan kutub-khanah (library) kita ini saya dapati ada kekurangan² susunan. Saya tidak tahu-lah di-dalam tempat itu, hendak masuk pun orang perempuan duduk jaga situ—saya duduk di-luar sahaja. (*Ketawa*). Jadi yang penting-nya yang saya hendak beritahu kepada Tuan Pengerusi, ia-itu sistem kita classify buku² itu. Saya pergi pada satu tempat itu dia tulis di-situ "Education", pergi di-sini "Politik", dalam menchari politik di-situ berjumpa nobel di-situ. Jadi payah-lah bagi Ahli² Dewan Ra'ayat ini hendak mengambil faedah daripada situ.

Sa-lain daripada itu kita tidak ada index pula bagi Library itu, ia-itu

index yang menentukan nama pengarang (author-nya) dan nama buku. Jadi senang-lah tidak payah kita pergi chari satu², ini pergi chari kepala, tengok! Begitu chari, kita pergi chari di-index situ dapat tahu sudah dimana ada buku yang hendak di-chari itu. Jadi ini pun sebab kurang agaknya perbelanjaan kita, dan saya mintalah kalau boleh tambahkan lagi.

Berkaitan dengan itu juga Tuan Pengerusi, S. 1, muka 28 ia-itu lain Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, Pechahan-kepala 2, kita nampak disini membeli buku² dan majallah, tahun 1965 \$1,000, tahun ini \$500. \$500 bagi satu Library bagi Malaysia, saya pun beli buku majallah satu tahun \$500 Tuan Pengerusi. Jadi bagaimana-lah kita ini hendak mendapat bahan banyak².

Kemudian kita tengok pula di-bawah Perbelanjaan Khas (Special Expenditure) Butiran 17, muka 29, kita dapati pada tahun 1965 dahulu ada Peruntukan Buku² Perpustakaan \$10,000, pada tahun ini kita minta \$3,750. Jadi sudah sa-makin kurang buku² itu. Bahkan lagi, kerana ada berlaku selalu rosak. Baharu² ini sa-belum Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama pergi ka-Eropah dia terperangkap dalam lift itu. Jadi, kalau back-benchers terperangkap tidak apa, Tuan Pengerusi—ini Menteri terperangkap, rugi Negara kita, with due respect kepada back-benchers ini, tetapi kita jaga-lah Menteri kita ini tidak mahu terperangkap selalu begitu.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, ia-itu di-bawah sa-kali peruntukan dalam Butiran 22, bagi Parlimen ini saya mengshorkan kepada Kerajaan, daripada kita membiarkan sahaja bilek² Parlimen ini, lebih baik kita buat hostel bagi Member of Parliament. Kita boleh bayar wang itu. Bukan main susah, Tuan Pengerusi, kadang² tidor di-hotel hendak datang ka-sini, motokar orang churi cap-nya begitu bagini. Kalau di-sini tidak ada orang churi, jadi senang sahaja. Chuma dengan satu syarat ia-itu bila kita beri bilek itu jangan pula Member of Parliament ini pakai buka dengar, tidor

di-situ, koram tidak chukup, tidak patut-lah dalam perkara itu.

Di-bawah S. 4 berkenaan dengan Surohanjaya Pilehan Raya. Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-bawah Pechahan-kepala 9—Pilehan Raya Kechil Majlis Berkuasa Tempatan di-muka 42. Perbelanjaan ini patut-lah kita buang sebab kita pun hendak memansokhkan Pilehan Raya Majlis Tempatan, kerana rugi sangat kita mengadakan Pilehan Raya Majlis Tempatan itu, tidak menguntungkan apa². Dan di-samping saya menguchapkan ta'ziah dalam Pilehan Raya ini kepada Perikatan di-atas kekalahan mereka itu di-Ayer Hitam, dan mendahulukan ta'ziah di-atas kekalahan mereka yang akan datang di-Seremban.

Di-bawah Prime Minister S. 7 Butiran (64)—Saya fikir Kerajaan takut, kalau² pehak Pembangkang ini boleh bacha facts itu banyak, dia takut ini pula, dia tidak mahu nasihat itu, dia mengurangkan peruntukan ini. Jadi, saya minta-lah tolong beri banyak peruntukan itu.

Berkenaan dengan di-bawah Lain² Perbelanjaan di-muka 29, Pechahan-kepala 5, Pemberian kepada Persatuan Parlimen Commonwealth. Orang² PAS langsung tidak boleh keluar, Tuan Pengerusi, tidak pernah orang ajak pergi. Saya bacha surat khabar kelmarin ada orang hendak pergi ka-Tokyo pula, saya dapat cerita, Tuan Pengerusi, Tokyo itu bukan main bagus-lah, Tuan Pengerusi (*Ketawa*). Kami di-pehak PAS ini sa-kali pun tidak pernah orang ajak pergi. Jadi, ini pun tidak patut, kita membelanjakan wang negara, pehak Pembangkang ini langsung tidak di-ajak pergi.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu di-bawa melawat ka-Sabah dan Sarawak atas perbelanjaan Kerajaan.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, itu tidak atas nama Commonwealth, itu saya pergi di-atas nama Study Tour, Tuan Pengerusi. Ini, Tuan Pengerusi, dia chuba interrupt sahaja menyebabkan saya lupa Butir²

dan saya teringat satu pantun yang berbunyi:

Kalau insan berbadan gemok,
Tulang keras tidak mudah retak,
Bila marah, chakap pun nyanyok,
Itu menyebabkan kepala botak
(*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, pada akhir-nya Butiran 16, ia-itu Penyelenggaraan Lift di-Bangunan Parlimen. Ini, Tuan Pengerusi, \$5,000 kalau boleh kita tambah Pegawai Penempatan Pemetaan Tanah. Jadi, Tuan Pengerusi, pegawai² yang sa-macam ini, boleh jadi ada faedah-nya di-adakan di-Pejabat Perdana Menteri itu, tetapi saya lebeh suka-lah pegawai itu, kalau boleh-nya, kita tempatkan sahaja di-Kementerian² yang berkenaan tidak-lah mesti kita tempatkan di-situ. Jadi, banyak sangatlah kita mengambil pegawai² Kementerian ini bawa pergi kepada Perdana Menteri. Memadai-lah Perdana Menteri kita boleh melawat Kementerian itu pada masa yang dia lapang untuk mendapat briefing daripada Kementerian itu tidak mesti di-kiriskan pegawai ka-situ, rugi kita dalam Kementerian yang lain.

Berkenaan dengan Masjid Negara, di-bawah S. 7 muka 52 daripada Butiran 188 sampai 197. Saya suka mengshorkan supaya di-Masjid Negara ini kita mengadakan sa-orang lagi Religious Research Officer atau Pegawai Penyelidikan Uagama. Pegawai Penyelidikan Uagama yang ada sekarang ini patut-lah di-beri sa-orang pembantu lagi, sa-boleh²-nya biar-lah orang itu mahir dalam bahasa Inggeris atau bahasa² yang lain daripada bahasa Melayu dan Arab, supaya orang yang datang melawat dapat berjumpa dengan orang itu seperti mana dilakukan di-Masjid Woking di-England.

Sa-lain daripada itu pula, patut-lah sebab kita ada kerja² research di-sini patut-lah di-adakan suatu majallah—suara Masjid Negara itu, sa-bagaimana biasa kita tengok Islamic Review di-Masjid Woking di-England, dan kita namakan-lah majallah kita itu SUMASNARA ia-itu suara Masjid Negara, abbreviation-nya chuma Sumasnara. Jadi dalam itu dapat-lah kita memberi pandang² yang tegas dalam majallah itu, sebab suara yang

keluar daripada Masjid Negara itu tentu-lah dapat perhatian daripada ra'ayat jelata ke-semua-nya. Dan ini dapat-lah kita membasmiikan segala faham kolot, sempit dan khilafat², sa-bagaimana berlaku di-Perak itu, satu tok pekong yang di-beri nama Sheikh Abdullah. Saya, dengan izin Tuan Pengerusi, hendak bacha sedikit, tiga baris sahaja. Bunyi berita ini patut di-ambil perhatian oleh pehak yang membuat research di-Masjid Negara ini, bunyi-nya; “pegawai hendak rasmi-kan tok pekong”, ia-itu *Utusan Melayu* 10-9-65—Tapah 9hb September, Pegawai Jajahan Batang Padang, Enche' Ahmad Daud bin Dahlan, akan merasmikan pembukaan tok pekong di-Kampong Coldstream dekat Bidor, pagi 10hb September, ini tok pekong yang di-bena dengan belanja hampir² \$10,000 itu di-beri nama Sheikh Abdullah (*Ketawa*).

Jadi Tuan Pengerusi, ini satu khilafat, dia menyama²kan perkara² ibadat satu uagama dengan satu uagama, boleh menimbulkan silap faham dan patut-lah Pegawai Research di-pejabat uagama ini mengambil tahu. Sakurang²-nya orang di-Perak yang bin Abdullah, dia tentu tidak mahu bapa dia itu di-samakan dengan tok pekong. Ini suatu perkara yang besar, Tuan Pengerusi.

Berkenaan dengan S. 7 di-bawah muka 53 Butiran 22 sampai 25—Surohanjaya Khas Gaji. Kalau tidak silap, ini-lah Badan yang hendak menentukan tangga-gaji. Saya dapat tahu, Tuan Pengerusi, ia-itu ada tiga jenis service atau pun post dalam negara kita ini yang nampak-nya kedudukan itu berlawanan (controversial) antara satu sama lain, dari segi harapan baik-nya, ia-itu M.C.S. dan bukan M.C.S. dan lagi satu di-namakan closed service ia-itu satu jawatan bila sampai ka-situ tidak boleh naik ka-atas, walau dia pandai sa-kali pun. Kemudian orang² yang bukan M.C.S. tidak boleh dapat privilege atau kemudahan² yang sama dengan M.C.S. walau pun sijil dia itu sama dengan Pegawai² M.C.S.

Saya tidak-lah pula hendak mengata-kan orang² M.C.S. itu sudah mendapat

peluang yang baik, tetapi saya bimbang pegawai² yang mempunyai kelayakan yang sama, apabila tidak diberi peluang yang sama, maka dia pun timbul satu perasaan yang tidak baik dan manusia ini, Tuan Pengerusi, apabila dia sudah jemu dan dia sudah rasa benchi kapada satu perkara—tugas-nya—dia tidak akan menjalankan tugas-nya yang betul dalam perkara itu.

Berkenaan dengan perbelanjaan rumah Menteri² dan Perdana Menteri, Menteri dan Menteri² Muda, muka 55 atas sa-kali, nombor-nya ta' ada Butiran 51. Tuan Pengerusi, sa-bagai satu chara kita hendak mengurangkan perbelanjaan ia-itu saya bersetujulah tiap² rumah Menteri kita ini dan Menteri Muda, terutama-lah rumah Perdana Menteri dan Timbalan-nya, kita adakan kawalan yang rapi, sebab pada masa ini dunia yang sa-macam ini menjaga perkara² yang ta' baik dari dalam, lebeh² lagi menyelamatkan kita daripada perkara yang luar, sebab bahaya yang luar itu kita akan menentang bersama, tetapi bahaya yang didalam itu masing² diri sahaja yang tahu. Chara yang kita hendak memerah, Tuan Pengerusi, di-German—saya ada baca satu majallah ia-itu kalau kita berhajat kapada tiga penjaga di-situ sa-orang sahaja yang manusia-nya yang dua lagi itu di-ambil daripada anjing yang terlateh, dia itu Sergeant, dia itu Corporal, tetapi dia anjing—dia pakai Sergeant di-pakai Corporal—dia jaga di-situ. Jadi, dia itu lagi tepat daripada kita, sebab dia berbau. Kalau ada sahaja orang masok, pun dia beri. Jadi, di-zaman yang sekarang ini makhlok² yang lain pun—sa-lain daripada manusia—sudah dapat memberi thabit dari segi social, dari segi masharakat makhlok kesemua-nya, sebab dia pun boleh di-hetongkan juga higher creature yang mempunyai daya mengetahui—bukan daya memikir. Jadi, potential dalam negara kita ini bukan sahaja dalam bumi, tetapi makhlok² yang lain pun dapat kita gunakan. Itu tidak kita gunakan, hanya kita, gunakan dalam polis² sahaja dan kalau dapat kita guard² daripada anjing², corporal, sergeant yang sa-macam ini, tentu-lah helicopter² pun

jarang orang churi, Tuan Pengerusi, atau pun hilang—ta' boleh hilang dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, akhir-nya sa-kali, ia-itu berkenaan dengan perkara saya hendak berchakap sedikit, berkenaan Bahagian Peranchang Ekonomi. Apa yang di-chakapkan oleh sahabat saya dari Besut ia-itu apabila kita sudah mengadakan research atau pun pakar² yang membuat penyelidikan berkenaan dengan bumi ini, ada dua tiga report atau pun pendapat yang saya telah baca, yang saya tertarek ia-itu report yang khusus di-buat kajian di-sini, ia-itu, pada tahun berapa—saya lupa—report dalam UNESCO berkenaan dengan negara² yang belum maju lagi—under-developed. Kemudian daripada itu report daripada beberapa orang pakar yang kebetulan dia datang ka-negara kita ini, tetapi dia tidak membuat research, chuma dia mendapat ma'alumat², maka dia sa-bagai sa-orang pakar serta-merta dia mengeluarkan pendapat dan dia mengeluarkan shor di-sini. Jadi, kalau semua-nya itu di-kumpulkan dan kita bahathkan dari segi merit-nya dan demerit nya, timbul-lah satu shor, Tuan Pengerusi, ia-itu patut-lah kalau sa-kira-nya pegawai² ini belum menjalankan kerja lagi atau pun mereka itu telah menjalankan kerja yang lain dan yang ini belum lagi, saya mengeshorkan supaya kita adakan satu usaha yang di-namakan Land Use Investigation ia-itu kita menyiasat tanah² ini dengan kita mengadakan satu team yang kita namakan Land Use Survey Team. Mengikut pakar² yang pernah datang di-sini, report² berkenaan dengan ekonomi dan berkenaan dengan penghasilan bumi, mereka itu lebeh suka supaya team ini terdiri daripada sa-orang agriculturalist—sa-orang ahli tanaman—tetapi dia ini specialist di-dalam tropical agriculture. Apa yang ada sekarang ini, kita membawa daripada Eropah dan Australia dan orang ini tidak begitu tahu banyak berkenaan dengan kawasan² panas—berkenaan dengan tropical agriculture—dia orang tidak begitu tahu, sebab lain tempat dia duduk, lain tempat dia orang berasa lain tempat

kita bertapak, lain tempat kita nampak, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, dia hendak-lah terdiri daripada sa-orang

Mr Chairman: Butir nombor berapa itu?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Butiran 53 sampai 61. Saya hendak mengeshorkan

Mr Chairman: Jikalau macham di-terangkan wang-nya berapa dan patut di-kurang, apa sebab tujuan-nya itu—itu-lah macham chakap dalam Jawatan-kuasa ini. Kalau hendak ber-lecture panjang² itu, itu bukan tempat di-sini.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Ta' dapat hendak lecture, Tuan Pengerusi, saya hendak beri sedikit dia buboh di-sini di-potong langsung. Perbelanjaan hendak menyiasat kelayakan tanah ini, dahulu ada \$10,000 sekarang di-potong langsung. Saya hendak minta \$10 itu sa-bagai token. .

Mr Chairman: Chakap-lah macham itu!

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Terlupa tadi, Tuan Pengerusi.

Jadi, apabila kita beri token \$10 ini, dia boleh jadi beberapa banyak. Apa yang saya maksudkan ia-lah kita mesti adakan satu Land Use Survey Team, yang terdiri daripada pegawai² yang tahu berkenaan dengan tropical agriculture dan kalau mengikut shor yang di-beri oleh pihak UNESCO itu, hendak-lah perkara ini di-ketuai oleh sa-orang pakar daripada West Africa, kerana dia lebeh hampir keadaan tanah-nya dengan kita.

Berkenaan dengan S. 7, muka 56—Surohanjaya Menyiasat Kachau-bilau di-Singapura. Pada tahun ini sudah tidak ada wang yang kita minta, sebab tidak ada kena-mengena sebab Singapura tidak champor kita. Tetapi saya, Tuan Pengerusi, belum sampai kepada saya, apa-kah butir² atau pun hasil penyiasatan itu dan kalau sa-kira-nya benda itu tidak menjadi sulit sangat, saya minta-lah benda itu di-chetak dalam Romanised dan Jawi dan di-beri kepada Ahli² Dewan Ra'ayat ini

dan juga di-beri kepada ra'ayat jelata, sa-bagai satu sejarah kita tahu bahawa daripada kachau-bilau itu berikut-lah berlaku-nya pemisahan. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Dato' Abdullah bin Abdurrahman: Tuan Pengerusi, saya mulakan dengan S. 1, muka 29—Perbelanjaan Khas—Butiran 19—Parliamentary Delegation Overseas. Pada masa yang lampau, Tuan Pengerusi, banyak Ahli² Parlimen di-hantar melawat ka-negeri² di-Eropah atau western countries. Pada masa yang akan datang saya suka mengeshorkan kepada Kerajaan, kalau di-terima oleh negara² yang berkenaan, pihak Kerajaan akan menghantar juga Ahli² Dewan ini ka-negara² Kominis juga. Tuan Pengerusi, kita semua ketahu², ia-itu Ahli² Dewan Yang Berbahagia ini, terdiri daripada orang² dewasa yang mana boleh membezakan yang mana baik dan yang mana tidak baik, yang mana boleh di-chontohi dan yang mana patut di-buat sempadan. Jadi sa-bagai satu Majlis yang tertinggi di-dalam negara, Ahli² Parlimen patut-lah terdiri daripada orang² yang ada banyak pengetahuan dan pengalaman di-dalam segala bidang. Maka kita semua ketahu².

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat, butir mana-kah?

Dato' Abdullah bin Abdurrahman: Butiran 19—Special Expenditure, muka 29, yang ada peruntokan sa-banyak \$15,000, Tuan Pengerusi. Jadi kita semua ketahu² pengembaraan dan lawatan ka-negara² luar itu ada-lah dengan sendiri-nya satu pelajaran yang baik. Wang yang ada, sa-banyak \$15,000 ini, tidak dapat tidak, Tuan Pengerusi, tidak menchukupi, dan saya berharap kepada pihak Kerajaan akan membuat tambahan lagi di-masa yang akan datang.

Sa-bagai yang saya kata tadi, satu Majlis atau satu Dewan yang membentok nasib ra'ayat dan negara, maka Ahli²-nya patut-lah mengetahui sa-berapa banyak kejadian² di-dalam negara² di-dalam dunia ini. Saya bimbang nanti, kalau kita tidak beri peluang langsung, orang² kita khas-nya

Ahli² Parlimen, melawat sambil belajar ka-negara² Kominis, dunia luar akan berkata, kita takut²kan kepada bayang². Memang-lah boleh di-hadkan sedikit lawatan² itu buat sementara, Tuan Pengerusi, tetapi saya rasa tidak ada langsung itu—tidak berapa bagus.

Kemudian sekarang saya datang kepada S. 7 muka 55—Economic Planning Unit—Allowances for Experts under the United Nations Expanded Programme of Technical Assistance.

Mr Chairman: Muka berapa tu?

Dato' Abdullah bin Abdulrahman: Muka 55, S. 7, Pechahan-kepala 55, Tuan Pengerusi—Economic Planning Unit. Saya berharap kepada pehak Kerajaan akan mendapatkan sa-berapa ramai lagi pakar² datang daripada negeri² luar, memandangkan betapa mustahak-nya pekerja² menyiasat dibuat atau research work, di-segala bidang seperti pelajaran, tanaman dan lain². Saya juga berharap kepada pehak Kerajaan Pusat, memperlawakan perkhidmatan pakar² ini kepada Kerajaan² Negeri juga, dan sudah tentu-lah wang yang ada ini sangat sedikit bagi menuju kepada kehendak² itu, dan saya berharap, kalau mustahak, di-tambah lagi kemudian. Kadang² kita dapati Kerajaan² Negeri juga, Tuan Pengerusi, suka membuat penyiasatan bagi mendapatkan penambahan hasil dalam Negeri dan meninggikan taraf hidup ra'ayat di-sa-sabuaah negara, dan di-situ-lah perkhidmatan pakar² sangat mustahak untuk membuat penyiasatan.

Sekarang saya pindah kepada S. 9 muka 63 dan 64—di-bawah Personal Emoluments dan Dewan Latehan Pegawai (Staff Training Centre) kepada pegawai² M.C.S. dan lain² pegawai juga, saya suka memberi tahniah kepada mereka kerana mereka telah menjalankan peranan yang baik dan besar di-dalam bidang kemajuan negara kita ini. Mereka telah memberi kerjasama yang baik dan rapat serta erat kepada Ahli² Politik, daripada satu masa kasatu masa. Saya rasa ada sa-tengah² yang tidak puas hati dengan bilangan Superscale di-dalam jawatan² mereka. Elok-lah, saya rasa, dan juga saya shorkan kepada Kerajaan, kalau dapat

peluang dan kelapangan Kewangan, menambahkan lagi bilangan pangkat Superscale² untuk jawatan² M.C.S. ini dan juga di-dalam perkhidmatan² yang lain. Barangkali ada masa-nya, Tuan Pengerusi, jawatan Superscale dinaikkan dan di-upgradedkan dan itu patut di-khaskan sahaja untuk pegawai² yang berkenaan—personal to holder. Jadi saya berharap Kerajaan juga tidak akan mengadakan jawatan² seperti itu—personal to holder, supaya barangkali orang yang memegang jawatan itu tidak berputus asa.

Di-bawah Staff Training Centre, saya berharap kepada pehak Kerajaan membuat peruntokan yang lebih besar dan membesarkan Staff Training Centre untuk pegawai² ini, serta meninggikan lagi mutu latihan di-Pusat Latihan itu. Saya ketahui, di-Australia yang saya pada satu masa dahulu dapat peluang pergi—di-sana Staff Training Centre dibuat sa-chara besaran² dan saya berharap di-sini juga—di-Malaysia—akan kita dapat mengadakan satu Pusat yang terator dan tinggi mutu-nya.

Pada masa sekarang hanya pegawai² yang tertentu sahaja di-hantarkan ka-Pusat Latihan ini. Di-masa yang akan datang saya berharap pegawai² daripada Negeri² juga, kalau boleh, kesemua-nya seperti "State Civil Service Officers" di-hantar supaya mendapat training atau pun latihan di-Pusat Latihan ini. Kerana kita ketahui training atau pun latihan sangat-lah mustahak untuk pegawai² ini menjalankan tugas sa-hari²-nya dengan baik dan dengan chekap.

Sekarang saya pergi kepada muka 29 S. 1—Special Expenditure, Butiran 17—Library Books. Saya bersetuju benar dengan apa yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bachok dan juga Ahli Yang Berhormat daripada Batu ia-it buku² yang ada di-dalam Perpustakaan atau pun "Library" kita sangat kekurangan. Buku² text sangat mustahak untuk di-rujukkan daripada satu masa oleh Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini, khas-nya buku² yang bertajok, lebel, slander, parliamentary practice dan lain²-nya—maudzu yang mana kita hadapi tiap² hari kadang². Maka saya berharap pehak Kerajaan

akan membuat Supplementary atau pun Wang Tambahan di-bawah Kepala ini dan membeli sa-berapa banyak lagi buku² untuk kemudahan Ahli² Yang Berhormat di-sini. Di-sini kita tidak ada lagi seperti buku "Halsburry Law of England" dan lain buku² text yang mustahak. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kaeh.

Dato' Mohamed Asri bin Hj. Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian sedikit dalam perengkat Jawatan-kuasa ini. Saya mulailah berchakap dalam S. 1 berkenaan dengan kakitangan Jabatan Parlimen ini. Saya bersetuju benar dengan pendapat Ahli Yang Berhormat daripada Johor Bahru Timor yang mengatakan tentang layanan² yang di-beri kepada kakitangan Parlimen ini dalam perkara bayaran elaun dan sa-bagai-nya. Saya perhatikan ada pekerja² di-Jabatan Parlimen ini yang bekerja, apabila sampai masa Parlimen, sampai malam tidak mendapat sa-barang elaun tambahan atau overtime, melainkan mereka di-beri chuti, ada masa yang sa-patutnya mereka tidak berhak mendapat chuti.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam perkara kakitangan Parlimen ini, ada beberapa bahagian yang saya merasa kurang tenaga sa-lain daripada apa yang telah di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya ia-itu-lah seperti mithalan-nya, dalam perkara butir Pechahan-kepala (1) Butiran (9) ia-itu-lah Jurubahasa Serentak, yang berkhidmat dengan serentak-nya memberikan terjemahan tiap² patah dan kalimah ucapan Ahli² Parlimen ini daripada bahasa kebangsaan kepada bahasa Inggeris dan sa-balek-nya. Nampaknya dalam Butiran (9) hanya ada tiga orang sahaja sa-bagai Jurubahasa Serentak. Saya rasa tiga orang ini terlalu sedikit, mereka terpaksa dua sentiasa ada di-tempat itu untuk ada apa² hal terpaksa hendak di-tukar bergilir ganti, jadi dengan tiga orang ini, lebeh² lagi di-masa Sidang Belanjawan seperti ini sangat-lah tidak chukup. Kalau boleh, kalau tidak berupaya pun hendak menambah beberapa orang lagi, di-adakan sa-bagai orang kerja sambilan ya'ni pegawai² yang mem-

punyai kelayakan dalam bahagian kerja menjadi Jurubahasa Serentak ini di-pinjam daripada mana² Jabatan bagi memenohkan tugas², jadi yang tiga orang ini tidak begitu berat sangat dalam tugas-nya memberikan terjemahan serentak dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap juga dalam perkara S. 1 muka 29, Pechahan-kepala 21 berkenaan dengan—tahun ini nampak-nya ada Peruntukan membeli jubah Tuan Speaker, ada sa-banyak \$850. Saya ingin-lah berchakap berkenaan dengan pakaian jubah Tuan Speaker ini, patut-lah di-timbang dan di-runding sa-mula antara Tuan Speaker sendiri dengan pehak Jema'ah Menteri, supaya dapat di-adakan satu bentok yang sesuai dengan negara kita Malaysia ini, dengan keperibadian kita. Jadi tidak-lah kita tiru pakaian Speaker daripada negara² sa-belah Barat. Kalau bersetuju-lah, saya rasa yang sekarang ini pun tidak apa kurang-nya, manis juga nampak-nya Tuan Speaker-nya, tetapi kalau di-buat dengan pakaian bentok kita, saya rasa, lebeh manis lagi. Bukan Tuan Speaker sahaja yang manis bahkan Dewan ini bertambah manis, oleh kerana ada bentok pakaian—yang menggambarkan keperibadian bagi negara kita Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak masuk sedikit berchakap dalam S. 7, muka 49 ia-itu-lah perkara Rumah Persekutuan di-Singapura. Sekarang ini Singapura sudah berpisah dengan Malaysia dan Rumah Persekutuan itu maseh tetap kita jaga dan kita pelihara lagi. Jadi apa-kah Rumah Persekutuan sekarang di-gunakan oleh Pehak Pesuruhjaya Tinggi kita sa-bagai tempat kediaman-nya atau tempat kakitangan-nya atau pun Rumah Persekutuan ini, tetap dengan bentok asal-nya sa-bagai Rumah Persinggahan bagi Pegawai² Tinggi ia-itu orang² kenamaan daripada Tanah Malaysia kita ini bila mereka pergi ka-Singapura. Jika-lah demikian dudok-nya ya'ni Rumah itu maseh tetap dalam bentok asal-nya ya'ni untuk kegunaan pegawai² tinggi atau pun Menteri² atau pun sa-siapa orang kenamaan daripada Malaysia ini saya suka juga dapat tahu daripada Menteri Yang Berhormat ini, orang

yang sakian mana yang patut atau pun yang berhak dapat dudok di-Rumah Persekutuan di-Singapura itu dalam masa dia pergi menziarah atau melawat sana. Jadi kalau tidak ada difinasi atau pun ta'arif tentang orang itu, agak sulit juga, jadi ada orang yang terang patut dia dapat dia tidak dapat, ada orang yang terasa tidak patut dia dapat tiba² dia pun dapat. Jadi patut-lah ini diadakan satu ta'arif—tidak payah-lah ta'arif kerana payah—chuma beri tahu siapa-kah yang berhak, jika dia pergi ka-Singapura, dudok di-Rumah Persekutuan di-Singapura, demikian juga Rumah² Persekutuan yang lain seperti di-Cameron Highlands yang baharu siap, di-Pulau Pinang dan sa-bagai-nya.

Tuan Pengerusi, S. 7 muka 50 dan juga muka 54—dia berkait, satu perkara mengenai Hal Ehwal Malaysia (Malaysia Affairs Division) yang menelan belanja dalam perkara gaji-nya sa-banyak \$47,446. Dalam muka 54 kita ada peruntukan lagi dalam perkara belanja berulang tiap² tahun bagi pentadbiran dan sa-bagai-nya.

Sekarang saya tahu Jabatan ini ditubuhkan pa la masa mula² kita hendak menubuhkan Malaysia dahulu, ya'ni kerana sa-suatu hal mengenai perundingan, perhubungan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan² Singapura, Sarawak dan Sabah, maka perlu-lah ada satu bahagian khas yang di-namakan Bahagian Hal Ehwal Malaysia. Tetapi sa-sudah sekian lama Malaysia ditubuhkan, Sabah dan Sarawak ada-lah menjadi sa-bahagian daripada Malaysia, Singapura sudah terkeluar daripada Malaysia, sudah tidak ada lagi—Malaysia kita sekarang merupakan 13 buah negeri. Jadi apa-kah perlu-nya lagi kedudukan Jabatan Hal Ehwal Malaysia ini? Sebab kalau hal ehwal itu mengenai soal pertanian maka Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama sudah ada, kalau mengenai pelajaran maka Kementerian Pelajaran sudah ada, sa-takat mana kuasa Kerajaan Pusat terhadap negeri itu. Demikian-lah hal ehwal yang lain, kesemua-nya kita salorkan melalui Kementerian, apa lagi pula bila kita sudah ada satu Menteri Hal Ehwal Sarawak yang ada sekarang, Dato'

Temenggong Jugah, maka saya rasa, agak saya-lah, membuang belanja kita dengan ada-nya satu Bahagian Hal Ehwal Malaysia dalam Peranggaran ini bahkan pegawai² yang berkhidmat di-situ dapat di-pindahkan kepada bahagian² yang lain yang lebih mementingkan tenaga pegawai yang ahli dan pakar dalam perkara urusan seperti itu. Jadi kepada Jabatan² dan Kementerian yang banyak bersangkut-paut dengan Hal Ehwal Malaysia, sudah sampai masa-nya, pada pandangan saya, Bahagian Hal Ehwal Malaysia ini di-tiadakan dengan kerana kita sudah merupakan satu negara dan kedudukan semua Jabatan dalam negara kita ini menyentoh semua sa-kali Hal Ehwal Malaysia.

Tuan Pengerusi, muka 53, S. 7 Pechahan-kepala 12 ia-itu berkenaan dengan Study Tours. Muka 53 Pechahan-kepala 12, Tuan Pengerusi, kita ada Anggaran pada tahun hadapan sa-banyak \$500,000 ia-itu kurang sedikit daripada tahun ini ia-itu tahun 1966 nanti kita ada \$500,000—sekarang ini kita ada \$700,000. Boleh jadi-lah kekurangan ini kerana kita hendak menjimatkan belanja, sebab telah difikirkan agak-nya oleh pihak Jabatan Perdana Menteri ini bahawa perbelanjaan yang di-keluarkan pada bahagian Study Tours ini tidak begitu banyak memberi faedah—ada faedah-nya—tetapi tidak banyak, sebab itu di-kurangkan. Boleh jadi begitu, tetapi kalau sa-kira-nya benda ini benar² berfaedah untuk negara kita, saya rasa tidak patut-lah benda yang berfaedah itu di-kurangkan perbelanjaan-nya daripada \$700,000 kepada \$500,000.

Saya suka-lah berchakap, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Lawatan sambil Belajar ini. Tadi sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Bachok, berchakap berkenaan dengan lawatan ka-Tokyo dan sa-bagai-nya. Kata-nya Ahli Yang Berhormat daripada Bachok itu telah dapat peluang melawat Sabah dan Sarawak. Tuan Pengerusi, pada pandangan saya sa-tahun yang lalu, semenjak daripada bulan April 1964 sampai-lah sekarang ini—tahun 1965 bulan Disember, ia-itu sa-tahun sa-tengah lebih kurang—terlalu kurang orang² daripada pihak

Pembangkang ini di-pilih untuk mengambil bahagian sama dalam lawatan sambil belajar ini. Kurang, kata saya, bukan erti-nya tidak ada langsung—ada! Mithal-nya Ahli daripada Bachok telah mendapat peluang melawat ka-Sabah, tetapi kurang jika di-bandingkan dengan awal tahun 1963/1964 dahulu. Agak saya mungkin-lah kekurangan ini kerana kita ini baharu sahaja lepas daripada pilihan raya tahun 1964 boleh jadi-lah kalau hampir² tahun 1969 besok peruntokan mungkin di-tambah lebeh banyak lagi dan boleh jadi ada banyak-lah daripada Parti Pembangkang ini yang akan di-pilih untuk mengambil bahagian sama dalam Study Tours ini. Saya tidak-lah hendak menuduh pehak Jabatan Perdana Menteri ini, tetapi yang saya nampak gambaran-nya beberapa tahun yang lalu, semenjak tahun 1959 lagi, agak sa-tahun sudah dekat hendak pilihan raya besar, banyak sedikit-lah daripada pehak Pembangkang ini yang di-pilih dan ada di-antara yang di-pilih itu umpama-nya bagitu-lah lebeh kurang—tidak payah kita panjangkan perkara ini. Jadi saya rasa ‘amalan saperti ini tidak berapa manis kalau orang tahu tidak payah kita beri tahu kepada orang itu, kita bersama² bermuafakat-lah, tidak usah diasaskan pada dekat dengan lambat pilihan raya. Ma‘ana-nya kalau sudah ada peruntokan ada rombongan kita hendak di-hantar untuk Study Tours di-mana², kita pilih dengan chara ‘adil dengan tidak mengira pehak Kerajaan, pehak yang menjadi Parti Pembangkang—kechuali kalau orang itu dipandang oleh Menteri bahaya besar sangat di-pilih dia pergi keluar negeri kalau dia berhubung pula dengan negeri² musuh atau sa-bagai-nya, boleh jadi-lah pehak Menteri tidak hendak pilih dia, tetapi chari-lah orang yang tidak ada bahaya pula—bukan semua Parti Pembangkang ini bahaya semua sa-kali. Jadi itu-lah Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan perkara Study Tours ini.

Berthabit dengan Study Tours ini juga, patut-lah kalau hendak ada orang² kita ini melawat sambil belajar keluar negeri—luar daripada Malay-

sia—pilih-lah negeri² yang ada mempunyai hubungan dengan negeri kita di-sini, hubungan persamaan tentang kedudukan tanah, udara, kedudukan politik atau sa-bagai-nya yang dapat di-pelajari di-sana dan dapat pula pelajaran yang kita dapat sambil lalu atau sambil kita melawat tadi, dapat sedikit sa-banyak menjadi bahan² pengetahuan, pengalaman, bagi pelawat² tadi untuk di-gunakan, di-hebahkan bagi negara kita Malaysia ini pula. Jadi kita pergi melawat ka-negeri² yang tidak ada sangkut paut-nya, tidak adal-ah berapa banyak faedah yang kita dapat. Tetapi berhubung dengan sasaran yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Selatan supaya kita ada-lah juga menghantar orang² pergi melawat ka-negara komunis. Itu pun ada baik juga, Tuan Pengerusi, sebab kita tahu komunis itu memang-lah fahaman-nya itu satu fahaman yang tidak sesuai dengan fahaman demokrasi kita ini, tetapi pergi melawat dengan chara sambil belajar ini, bukan hendak pergi belajar komunis hendak di-bawa ka-sini—hendak sebakkan fahaman komunis kepada negeri kita ini, tetapi pergi melihat chara bagaimana mereka mentadbirkan negeri, dapat kita beritahu kepada orang di-sini perbezaan demokrasi kita ini dengan chara demokrasi komunis. Tetapi hendak-hantar orang itu kita kena pilih-lah, kalau lemah iman orang yang tidak pernah kenal Tuhan, tidak tahu apa barangkali harus boleh jadi, Tuan Pengerusi, terpengaruh dengan komunis. Sebab komunis, Tuan Pengerusi, dia itu agak-nya terlalu progressive sedikit dalam chara berfikir tentang soal itu—soal yang saya sebutkan tadi. Jadi dia itu telah terlalu ka-hadapan, dia semua sa-kali hendak chara extreme, chara radical. Jadi kalau orang yang berjiwa berontak, jiwa sentiasa hendak maju lebeh² sangat atau jiwa berontak yang bergelora kalau dia pergi ka-tempat macham itu, subur benar-lah jiwa saperti itu untuk di-tanamkan dengan beneh² komunis. Jadi hendak-lah di-pilih orang yang beriman sedikit-lah, tidak kira-lah kalau orang itu bukan Islam sa-kali pun dia kuat iman-nya dalam ugama, orang Christian, Catholic, Protestant, tidak kira-lah

ugama-nya, kalau orang Islam charilah orang yang beriman betul²

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Pengerusi, ada-kah Ahli Yang Berhormat itu berma'ana ia-itu orang yang beriman itu mesti-lah kesemua-nya datang daripada PMIP?

Dato' Mohamed Asri bin Hj. Muda: Tuan Pengerusi, saya tidak-lah sebut orang daripada PMIP bahkan saya sebutkan tadi orang Christian pun ma'ana-nya orang yang bagus-lah, kalau sudah tahu orang itu kaki—tidak payah-lah di-sebutkan Tuan Pengerusi—kaki yang tidak berapa dengan ugama, dengan Tuhan, kalau di-hantar ka-negeri kominis itu mudah sangat dia di-hinggap penyakit kominis.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, Muka 54 S. 7 Pechahan-kepala 39 berkenaan dengan Tugu Peringatan Kebangsaan. Saya tertarek hati benar waktu perbathahan dasar dahulu kapada ucapan Ahli Yang Berhormat daripada Lipis, yang telah membangkitkan perkara Tugu Kebangsaan kita yang ada dekat dengan Bangunan Parlimen, tidak menggambarkan bentok rupa kapada bentok rupa Malaysia. Jadi saya pun tidak tengok dekat lagi, bila sudah di-sebut, terpaksa-lah saya pergi dekat lagi. Saya berhentikan motokar saya—tidak naik ka-atas tengok tetapi daripada jauh. Memang benar, Tuan Pengerusi, topi yang di-pakai tidak ada topi yang di-pakai oleh tentera² Malaysia ini, sama ada Tentera Peninjau, Askar Melayu di-Raja atau Polis sa-kali pun, tidak ada pakai topi macham itu. Topi macham itu biasa saya tengok, masa sa-belum perang, masa dharurat dahulu, di-pakai oleh Tentera² Australia dan New Zealand.

Jadi ternyata-lah benar, Tuan Pengerusi, bahawa gambaran yang di-gambarkan kapada Tugu Kebangsaan kita yang ada itu tidak menggambarkan keadaan yang sa-benar perjuangan ra'ayat negeri ini dalam menentang kominis zaman dharurat dan dalam perjuangan bagi mencapai kemerdekaan bagi negara kita ini. Jadi sa-olah² bahawa perjuangan ra'ayat negeri ini tidak mempunyai nilai bagi di-buat satu²

benda bagi di-peringati atau dikenang jasa mereka sampai kapada keturunan² kita yang akan datang. Alang-kah rosak-nya sejarah kemerdekaan atau sejarah perjuangan ra'ayat kita dalam negara ini sa-hingga sampai beratus tahun yang akan datang bila keturunan kita—chuchu kita—besok pergi tengok Tugu Peringatan, dia nampak² gambar itu bukan-lah gambar bentok rupa datok nenek mereka terasa bagi dia rupa-nya negara ku ini salama dahulu hendak mencapai kemerdekaan, tidak ada satu share daripada perjuang² daripada anak Malaysia ini sendiri melainkan terdiri orang luar yang membantu. Kita aku-lah memang kita mendapat bantuan negara sahabat itu banyak sungguh—daripada Australia, New Zealand atau daripada Great Britain sendiri memang kita dapat bantuan daripada mereka itu. Tetapi kita sudah tahu berpendirian bahawa beberapa banyak bantuan daripada luar sa-kali pun, kalau tidak ada kerjasama daripada ra'ayat negeri ini ta'akan dapat kejayaan; itu satu perkara yang kita mesti aku, kejadian di-Vietnam atau sa-bagai-nya itu satu gambaran—chontoh kapada kita. Jadi patut-lah di-fikirkan oleh pehak Perdana Menteri ini berkenaan dengan Tugu Peringatan atau Tugu Kebangsaan kita itu kalau nampak-nya sudah tidak menubah atau pun ada fact-nya saperti itu, tetapi fact yang besar lagi tidak ada di-buat—tambah-lah, Tuan Pengerusi, biar-lah habis belanja sadikit ta' apa-lah atau pun hanchorkan terus. Kalau sa-kira-nya sayangkan itu buat tambah lagi, biar nampak tambah gambaran bagaimana Askar Melayu, Askar Peninjau, Polis, Pasokan Polis Hutan, pendek pasokan keselamatan kita berjuang bagi mempertahankan negara kita ini biar-lah sama² di-situ baharu-lah lengkap gambaran itu menggambarkan sejarah perjuangan bagi negara kita ini.

Tuan Pengerusi, muka 55 Head S. 7 lagi, Pechahan-kepala 52 ya'ani Pemberian kapada Badan² Islam, yang saya nampak di-sini—Pechahan-kepala 52 ia-lah pemberian itu sa-banyak \$18,000 sa-tahun ini di-keluarkan, tahun dahulu sa-banyak \$10,000. Saya minta penjelasan daripada pehak Jabatan Perdana

Menteri ini—daripada pehak Perdana Menteri-lah—Badan² Islam yang seperti mana yang di-beri contribution ini sa-banyak \$18,000 atau pada tahun sudah sa-banyak \$10,000. Jangan pula pehak Menteri itu nanti menjawab dia kata, ta' akan hendak bagi kapada PAS; itu tidak ada fasal-lah pehak parti PAS berkehendakkan duit ini, sebab dia bukan badan kebajikan, dia badan politik.

Yang saya hendak nyatakan ini tentang Badan² Islam tentu-lah maksud daripada anggaran ini ia-lah Badan² Islam yang mengenai soal pelajaran, soal kemasharakatan, soal kebajikan dan sa-bagai-nya. Jadi badan² seperti mana, ada-kah badan itu seperti Persatuan Kebajikan Islam, Persatuan Seruan Islam yang ada di-Tanah Melayu sekarang ini dan Persatuan Kebajikan Wanita Islam mithalan-nya. Jadi kalau-lah badan² itu di-sebutkan, ya'ani ada dua tiga empat badan, maka \$18,000 ini tidak cukup. Tuan Pengerusi, Persatuan Kebajikan Islam terpaksa mengadakan satu badan—satu maktab yang di-namakan Darul-Arkam yang melateh muballigh² atau penyeru² ugama yang telah mendapat perhatian di-Tenggara Asia kita ini. Kalau kapada badan² itu hendak di-beri—kalau hendak di-bagi lagi \$18,000, di-bagi lagi kapada Persatuan Kebajikan Wanita pula yang di-pimpin oleh Yang Teramat Mulia Tunku Ampuan Besar Khursiah itu, tentu-lah \$18,000 tidak cukup, Tuan Pengerusi. Jadi itu-lah yang saya hendak tahu badan manakah di-beri \$18,000. Kalau badan itu-lah yang hendak di-beri, saya menyerulah kapada Perdana Menteri ini supaya di-tambah lagi bantuan-nya, baharu-lah sempurna khidmat atau hadiah yang kita akan berikan kapada badan² itu. Kita tahu bahawa badan² seperti itu kalau tidak di-bantu oleh pehak Kerajaan, memang tidak dapat menjalankan gerakan-nya dengan lancar,—dapat, dapat—tetapi tidak lancar. Jadi bila tidak lancar, sia² sahaja. Jadi kalau kita hendak beri bantuan biar-lah bantuan itu dapat melancarkan pekerjaan badan² ini, sa-kurang²-nya kerja atau projek yang sedang di-jalankan oleh badan² itu dapat sumbangan yang

sa-chukup-nya daripada pehak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, akhir sa-kali saya hendak berchakap, muka 51 Head S. 7 lagi ya'ani berkenaan dengan Surohanjaya Khas Gaji—Special Commission on Salaries. Ini bukan apa, saya bukan hendak menegor perkara duit ini di-untokkan, tetapi yang saya hendak tegor sedikit ia-lah lambat-nya tugas² yang di-jalankan oleh Surohanjaya Khas Gaji ini sa-hingga menyebabkan kedudukan pegawai² Kerajaan yang menuntut kenaikan gaji atau merasa gaji² mereka tidak lumayan atau tidak sesuai, ternanti² dan tertunggu² bertahun² lama-nya. Dan ada di-antara bahagian² pegawai itu terpaksa menjalankan tindakan seperti mogok atau tindakan apa sahaja-lah yang halal di-sisi undang² negeri. Jadi saya rasa patut-lah jentera bagi Surohanjaya ini di-ligatkan lagi, kalau minyak-nya kurang, di-tambahkan minyak. Kalau apa sahaja kurang bagi badan ini di-tambahkan-lah, kalau pegawai kurang di-tambah pegawai. Sebab kita hendak melihat supaya pehak kaki-tangan Kerajaan mengharapakan perubahan tangga gaji yang terletak di-bawah Commission ini. Jadi itu-lah, kalau sa-kira-nya Commission Khas Gaji ini seperti saya sebutkan tadi tugas-nya—sebab saya perchaya dalam perkara lain tidak nampak, barangkali ini-lah di-namakan Surohanjaya Di-Raja yang di-maksudkan itu. Jadi itu-lah saya katakan supaya tugas ini dapat di-segerakan dengan sa-berapa chepat yang boleh supaya jangan lagi timbul rungutan² yang tidak puas hati daripada kalangan pegawai² Kerajaan. Hendak memberi puas hati semua sa-kali, saya perchaya, tentu-lah tidak upaya, sebab semua pegawai² itu merasa ada kekurangan semua sa-kali. Tetapi tugas ini, apabila dapat di-jalankan dengan chepat, akan dapat mengemukakan satu tangga gaji yang munasabah, yang sesuai dengan kedudukan mereka, akan dapat-lah menyenangkan keadaan dan akan menjadi satu sumbangan yang besar kapada pembangunan negeri ini dalam mana satu daripada masalaah yang menjadi masalaah besar kapada mana² Kerajaan ya'ani masalaah tidak puas hati pegawai², masalaah pemogokan

dan sa-bagai-nya akan dapat di-atasi sa-kurang²-nya mengikut peratus-nya yang sa-tinggi² yang dapat bagi meng-atasi hal yang demikian. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya dapat nyatakan.

Mr Chairman: Persidangan ini di-tempohkan sementara.

Sitting suspended at 12 noon.

Sitting resumed at 12.25 p.m.

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Mr Chairman: Pertimbangan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan Tahun 1966 di-sambong sa-mula.

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya hendak sa-minit dua sahaja membuat satu keterangan dan tidak-lah hendak membahathkan dengan panjang lebar-nya di-atas perkara² yang kita rundingkan. Waktu saya di-luar Dewan sa-belum daripada kita suspend sa-bentar tadi, saya ada dengar tegoran daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh berkenaan dengan Tugu yang kita telah dirikan berhampiran dengan Dewan ini. Waktu Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri berangkat ka-Washington dan menempah sa-orang pakar yang pandai, Enche' Felix de Weldon, membuat Tugu ini, saya waktu itu menjadi Duta Besar Malaya di-Washington, tahun 1960. Kemudian dalam masa beberapa belasan bulan, Enche' Weldon membentokkan Tugu itu, boleh kata saya sendiri dua minggu atau sa-bulan sa-kali-kah melawat studio-nya. Pertama-nya, jika tidak salah ingatan saya, segala pakaian yang di-rupakan pada askar² keselamatan kita itu semua-nya di-hantar daripada Malaya ini, dan pakaian itu, pada faham saya, ia-lah pakaian yang di-pakai oleh security forces kita waktu mereka membuat operation dalam hutan-rimba. Saya sendiri ingat waktu saya Menteri Besar di-Kelantan dahulu, tiga bulan saya masok ka-hutan, pakaian-nya begitu-lah yang saya sendiri pakai.

Jadi, saya menerangkan ini hendak memberi tahu bahawa tidak-lah pakaian itu dengan jalan rekaan Enche' Felix de Weldon sahaja. Yang kedua-nya rupa atau muka yang di-bentokkan itu di-asaskan atau telah di-modelkan daripada sa-orang kaki-tangan Malaysia kita yang waktu itu ada bekerja di-kedutaan Besar di-Washington, bukan saya sendiri, ada sa-orang kaki-tangan lain, ta' payah saya sebut nama-nya. Saya sendiri, semenjak di-dirikan Tugu itu di-Kuala Lumpur ini, tidak ada masa lagi hendak melawat tengok adakah berbetulan rupa dia itu dengan rupa orang atau pegawai yang saya tahu dan kenal sendiri itu.

Jadi, mudah²an keterangan ini boleh-lah menjadi sa-kurang²-nya satu penjelasan berkenaan dengan rupa askar² keselamatan kita yang telah di-tunjokkan atau di-rupakan pada Tugu yang ada di-situ. Itu-lah saya terima kaseh, Tuan Pengerusi, kerana memberi kebenaran saya membuat keterangan. Terima kaseh.

Dato' Haji Mustahpa bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit di-atas perkara ini S. 1 muka 31 ia-itu Pechahan-kepala 6—Penyenggaraan Pesawat Alat Pendingin Udara. Bagi tahun 1965 dahulu \$7,000 dan bagi tahun 1966 \$18,000. Jadi nampak-nya perbelanjaan ini ada lebeh bagi tahun yang akan datang. Saya tidak tahu ada-kah perkara ini barangkali boleh jadi kerana peruntukan kerana tahun 1965 dahulu tidak menchukopi sa-bagaimana yang di-kehendaki.

Tuan Pengerusi, di-atas perkara ini saya suka memberi pandangan pada Dewan ini. Bagi menyambut langkah jimat chermat Kerajaan, saya rasa, ada baik-nya kalau boleh kita men-chermtakan perbelanjaan alat pendingin ini dengan mengurangkan kuasa² letrik yang kita bayar terlampau banyak bagi tiap² tahun dengan menggunakan di-mana tempat yang kita fikirkan mustahak sahaja, kita adakan alat pendingin, tetapi macham tempat² di-luar² sana tidak-lah mustahak kita beri tempat pendingin. Saya rasa ini boleh menchermtakan kewangan kita bagi perbelanjaan Parlimen ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 10, dalam muka itu juga ia-itu Bayaran kepada Keretapi kerana Tambang Perchuma untuk Ahli². Di-sini saya suka menarek perhatian Ahli² Parlimen yang datang daripada Sabah dan Sarawak.

Di-sini, Tuan Pengerusi, saya telah mendapat bisek²an daripada Ahli² Parlimen yang datang daripada sa-berang laut—daripada Sabah dan Sarawak sana, jikalau sa-kira-nya per-sidangan ini berlaku sampai satu bulan lebeh, maka beliau² ini sangat-lah dukachita oleh kerana tidak dapat membawa ahli²-nya hanya beliau sendiri-lah yang dapat datang, yang dapat tambang perchuma datang bermeshuarat di-Kuala Lumpur ini, sedangkan masa-nya sangat lama sampai satu bulan dua belas hari, mithal-nya, sa-bagaimana meshuarat Budget bagi kali ini. Jadi, kalau ahli² yang datang daripada Tanah Melayu, walau macham mana jauh, sa-minggu sa-kali boleh-lah balek, tetapi apa hal-nya ahli² kita yang datang daripada sa-belah Sabah dan Sarawak. Jadi ini, Tuan Pengerusi, saya sangat² bersimpati, sangat² belas kasehan kapada ahli² kita yang datang daripada Sabah dan Sarawak, mudah²an mendapat timbangan daripada pehak Kerajaan memberikan kebenaran kapada beliau² ini untuk membawa isteri-nya bagi meshuarat yang lama, tetapi kalau meshuarat sa-minggu, atau pun sa-puluh hari, dan saya perchaya ahli² kita daripada Sabah dan Sarawak itu tidak-lah begitu susah sangat, tetapi kalau sampai satu bulan lebeh, kita sendiri ma'alum-lah—ta' payah-lah saya cheritakan perkara ini, dan saya perchaya apa yang saya kata ini akan mendapat sokongan yang penoh daripada Ahli² kita daripada Sabah dan Sarawak.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya bawa-lah kapada Kepala Perbelanjaan Khas ya'ani Pechahan-kepala 21—Jubah untuk Yang di-Pertua, \$850. Jubah Yang di-Pertua \$850 ini, Tuan Pengerusi, barangkali agak saya untuk Yang di-Pertua sahaja. Saya memikirkan mustahak juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan ini mempunyai jubah sa-bagaimana Yang di-Pertua, kerana

saya nampak apabila Timbalan Yang di-Pertua ini mengambil tempat-nya tidak ada jubah yang lengkap sa-bagaimana Yang di-Pertua—tidak-lah begitu gerun dan tidak begitu menarek di-dalam perhatian Dewan ini. Saya minta ma'af, Tuan Pengerusi, agak-nya ada kena-mengena dan saya harap pehak Kerajaan akan dapat menyedia-kan satu jubah juga untuk Timbalan Yang di-Pertua.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, di-bawah Peruntokan Perbelanjaan Khas ini juga, saya suka mengeshorkan ia-itu kapada pengawal² Parlimen yang ada berkawal sa-panjang kita bersidang ini. Saya mendapat tahu daripada Pasokan Polis di-Raja, mereka² ini berkawal dengan memakai pakaian kebangsaan yang nipis. Saya juga mendapat tahu, mereka² ini selalu kesejukan, kalau terlampau lama dan kalau di-sabelah malam, bertambah² lagi. Saya harap, kalau dapat-lah kita adakan satu peruntokan di-dalam bahagian ini untuk membeli satu uniform yang sesuai kapada Pengawal² Parlimen ini supaya mereka² ini dapat berkhidmat, di-pandang yang sesuai dan dapat menahan daripada sejok sa-bagaimana yang telah mereka² rasa sa-lama ini.

Jadi itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja pandangan saya di-dalam bahagian ini. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Mr Chairman, Sir, I would like to carry on from where I left yesterday—and I do not wish to speak too long. With your permission, Sir, I like to go back to this question of Rumah Persekutuan Cameron Highlands. When I was speaking on this matter, fortunately both the Prime Minister and the Minister for Finance were present, and I posed the question whether this expenditure of half a million dollars, I presume it does, includes sending architects to Australia to look at the architecture there and, maybe, I do not know, architects were sent to Manila, because that was fashioned after Manila style it seems. Sir, is such a project necessary or suitable in view of the austerity drive by the Government, and also in view of the fact that it has been repeatedly stated by the

Government that money should be spent only on projects that generate wealth in this country, and also in view of the fact that for the last four years this House has been, or rather the Minister for Finance has been, budgeting deficit Budgets, for 1963, 1964, 1965 and 1966. Is it not a waste of public funds to spend this huge sum of money on a few very, very important people in this country? I take it that this House is fenced in; so, even if the *ra'ayat*, if they happen to visit the Cameron Highlands if they are fortunate enough and are able to, able in the sense that they can afford to go to Cameron Highlands, they cannot even go and see this lovely place for the V.V.I.Ps, in this country. Now, as is well known in Parkinson's Law, Mr Chairman, Sir, one expenditure leads on to another and so it is that this bungalow, this *Rumah Persekutuan*, has now attracted an expenditure of \$7,578. I do hope, Mr Chairman, Sir, that the Government will in future practise what it preaches and not build what you call ostentatious houses for the very privileged few by thinking in terms of how it can benefit the *ra'ayat* of this country.

Mr Chairman, Sir, if I may come back to Head S. 5, page 39—the Public Services Commission. It is a well known fact Mr Chairman, Sir, that the terms and conditions of service that are followed by the Public Services Commission is a relic and vestige of the old colonial days. I do know that there is a Salaries Commission that is looking into the salaries and also into the terms and conditions of Government servants. However, I do hope that the P.S.C. will also help this Commission by pointing out these vestigial remnants of the colonialism should be excised from the body politic in this country because, as you know, the Pass graduate, Sir, despite of what little tender mercies have been given by the Government, is still not satisfied, because of this big gap between the Pass graduate, Sir, and the Honours graduate. Further, there are so many other anomalies in other services as well. In my own profession, for example, in the pharmaceutical profes-

sion, there are so many anomalies, Sir, and there are so many qualifications under which the pharmacutists qualified are not recognised in this country. I do hope that the P.S.C., or the relevant bodies will get on with the job of ridding this country of these anomalies, and also get on with the job of drawing up a set of terms and services of conditions geared to Malaysian conditions and not geared to benefiting the *Orang Puteh* as it was in the old colonial days.

Mr Charman, Sir, I now come to S. 9, page 63—the F.E.O. Mr Chairman, Sir, time was when I was a member of the Staff Side panel of the Whitley Council, and in those days I did mix up a little with the trade unionists in this country, and one of the most frustrating things can happen to a trade unionist is when you write a letter to the F.E.O., it always take two or three months to write a simple reply to the trade unionists. The reason being nobody dares to take on the responsibility of giving an opinion on a very simple thing, and so it is that they pass the buck upwards and the buck comes downwards and no wonder you have industrial unrest in this country. Now, I thought of things that was happening about 10 years ago, when I was a member representing the Staff Side of the Arbitration Tribunal. At that time, perhaps, the trade unionists were not so up to date, but today the trade unionists are as bright as any F.E.O. representatives, and they will not tolerate these undue delays. Another thing is that fact that the F.E.O. always sits on these claims and it gives too little too late, until the whole thing explodes and then it gives what is asked for by the trade unions. This is a matter in respect of which I do hope that in the F.E.O. there will be people right from the P.E.O. downwards, who will be willing to make decisions and not sit on these claims that have been sent by the various trade unions, because one of the main causes of industrial unrest in this country is the fact that the trade unions' claims have not received the expeditious attention that should have been received by the F.E.O.

The other day, Mr Chairman, Sir, there was a letter in the Press complaining about the question of Malay examination that had to be taken by the Government servants. The writer of that letter complained that he had already sat for the examination and the next examination was due, but he did not know whether he got through the last examination or not. Consequently, is he to sit, or is he not to sit, for the next examination that is coming? That is an instance of the dilatory way in which the F.E.O. conducts its affairs. I do not see any reason why the results of any examination that has been taken by any Government officials should not be announced in perhaps six weeks after the examination.

Last year, at this session of the Dewan Ra'ayat, I mentioned the fact of the results of the clerical examinations being delayed. I presume that, as a result of my protest, we do not see letters in the Press regarding the undue delay in announcing the results of the clerical examination. I do hope that the Assistant Minister will note this down and ask the F.E.O. to get on with the job of marking the papers and announcing the results as soon as possible, so that the Government servants do not feel that they have the sword of Damocks hanging above their heads.

Finally, Mr Chairman, Sir, I wish to come to Head S. 11, page 72, Department of Statistics. In my speech the other day, on Tuesday, I mentioned the fact that this Department of Statistics is woefully understaffed and, consequently, it cannot give us the data that is necessary if we are to progress in all fields of human endeavour. For example, the cost of living index, if I may say so, is notoriously inaccurate. There is no way of finding out the industrial index, and yet the Government Ministers talked glibly saying that, industrialisation has progressed in this direction and in that direction. But unless you have the industrial index, how are you to know that you are going backwards or forwards? So, it is with regard to other indices that are necessary—wage index, unemployment index, consumers' surveys,

and the like. Now, I am not castigating the Department of Statistics, Sir. As I have said before, they are terribly short-handed, and I do hope that, instead of spending half a million dollars on this Rumah Persekutuan, that money—half of it—if it is spent on the Department of Statistics in recruiting more officers of the right calibre, the industrialists will benefit, the Minister of Commerce and Industry will benefit and, no doubt, the Minister of Finance also will benefit, instead of talking airily of the G.N.P. going up and up—I do not know whether they believe their own figures which they have quoted. Thank you.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, sebelum saya membuat ulasan atas apa² perkara yang hendak saya sebut, barangkali Dewan ini telah mendengar pagi tadi—Ahli dari Bachok, dalam ucapan-nya ada menyindir², bahkan ada sebut fasal kepala botak, ta' kepala botak. Jadi bagini-lah, Tuan Pengerusi, kalau kata orang, gayong bersambut, kata menjawab. Pada permulaan ulasan saya ini, saya hendak hadiah sa-buah pantun kepada Ahli Yang Berhormat daripada Bachok itu. Bunyi-nya bagini:

Dari Bachok membawa gambir,

Chermin mata nampak tersembul;

Misai tebal di-atas bibir,

Menyebabkan mulut merepek, dan chabul.

Tuan Pengerusi, saya suka-lah menyentoh, terutama sa-kali dalam muka 52, S. 7—Pertandingan Quran. Saya rasa Pertandingan Quran ini satu perkara yang baik di-lakukan dengan anjoran Jabatan Perdana Menteri tiap² tahun, dan mendapat pujian daripada semua negara² Islam, bahkan tidak ada sa-buah negeri Islam pun di-dunia ini yang pernah mengadakan Pertandingan Quran seperti kita adakan di-sini. Penghargaan kepada pertandingan ini—saya suka-lah memberi sedikit pengalaman sa-masa saya mengiringi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ka-Timor Tengah baharu² ini masa lawatan ka-Kuwait. Sa-belum ketibaan Yang di-Pertuan Agong, gambar² yang menggambarkan Malaysia, di-hantar ka-sana. Satu

daripada-nya ia-lah gambar Pertandingan Quran itu. Bila sampai, gambar Pertandingan Quran ini di-tunjokkan dalam Television Kuwait. Kerana tertarik hati dengan Pertandingan Quran ini dan kesedapan bacaan qari² dan qariah² kita—pada keesokan hari-nya, menurut Pengarah Television Kuwait; ada datang dengan surat, ada telephone, ada telegram, minta di-ulang lagi, menunjukkan gambar Pertandingan Membacha Quran di-Malaysia ini pada malam yang berikut-nya. Dan oleh kerana permintaan terlalu banyak, maka malam berikut-nya kami sendiri menyaksikan pertunjukan seluruh filem itu di-Television Kuwait.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, atas Pertandingan ini, ada satu lagi yang saya rasa patut di-jalankan oleh Kerajaan, bagi menambahkan faedah Pertandingan Quran ini. Ada sa-tengah orang menhadangkan supaya di-adakan Pertandingan Tafsir Quran. Saya kurang setuju, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan mengadakan Pertandingan Tafsir Quran, kerana Tafsir Quran tidak boleh di-adakan pertandingan.

Saya suka menhadangkan, supaya di-adakan seminar tentang Quran dan tafsir pada tiap² tahun sa-belum kita mengadakan Pertandingan Quran dalam bulan Puasa ini, kerana benda yang menggalakkan—perkara yang berupa seminar, berupa diskusi atau discussion, berupa pembukaan perundingan, bertukar fikiran di-antara Ahli² yang pakar dalam perkara ini. Jadi baharu-lah kita dapat hasil² yang baik, yang boleh kita bawa untuk kemajuan orang² Islam di-tanah ayer dan orang² Islam yang di-sekililing kita juga.

Dahulu, sa-kali—tiga tahun yang lepas, pernah kita mengadakan Seminar Islam di-sini. Tetapi ini—sa-kali itu di-bawah anjoran Congress Islam Sa-Dunia. Tetapi saya rasa patut kita buat menjadi ‘amalan yang tetap, mengadakan Seminar Ugama pada tiap² tahun, di-samping mengadakan Pertandingan Membacha Quran supaya lebih sempurna faedah yang kita chapai daripada mengadakan Pertandingan Membacha Quran itu.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, saya hendak sentoh, ia-lah soal muka 30, S. 2—Penyimpan Mohor Besar Raja². Kita semua tahu, pada masa² yang akhir ini, kaum ibu—dan saya berchakap bagi pehak kaum ibu-lah, kalau boleh saya berchakap—ada menyampaikan memorandum kepada Penyimpan Mohor Besar Raja² dan Kerajaan Negeri, tentang mengadakan Undang² Nikah-Cherai yang ketat yang sama bagi semua negeri² dengan di-co-ordinasikan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja². Sa-panjang yang saya faham, bahawa ini ada di-timbangkan dalam meshuarat Majlis Tetap Ugama yang di-bawah pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja². Apa yang saya hendak katakan, Tuan Pengerusi, ia-lah bila-kah lagi keputusan yang mu’tamad dapat di-chapai dalam perkara ini. Kerana menurut statistics yang di-siarkan tahun lepas dan tahun ini, satu problem yang ada pada orang² Melayu saperti di-negeri Melayu ini-lah orang² perempuan lebih ramai daripada orang laki² kira² empat puluh atau lima puluh ribu orang lebih ramai orang perempuan. Satu galakan lagi bagi orang laki² maseh hendak kahwin lebih-kah dengan tidak ada kawalan, hendak kahwin lagi, orang perempuan pun ramai bersepah, jadi kalau lambat kita mengadakan undang² yang sama di-seluruh negeri yang lebih ketat sedikit, tetapi sesuai dengan undang² Islam, sesuai dengan shariah, di-bawah naongan dan di-bawah arahan shariah Islam, barangkali bahaya yang di-takuti oleh kaum ibu daripada beberapa perkara yang kurang senang yang berlaku pada kaum ibu atas cherai-berai, atas hal perkahwinan, hal nafkah anak² dan macham² perkara lagi, akan berlaku lebih dahshat lagi. Jadi saya rasa sangat patut di-percepatkan perkara ini. Kalau ada Kerajaan Negeri yang lambat menjawab, lambat memberi persetujuan di-gesa-lah Kerajaan Negeri memberi persetujuan supaya dapat di-jalankan undang² yang sama ini bagi tiap² negeri dengan sa-beberapa segera yang boleh.

Kemudian Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh tentang Masjid Negara sedikit, muka 52 S. 7. Kita mempunyai

Masjid Negara ini yang menjadi lambang bagi negara kita bukan sahaja lambang kepada ka-rasmian ugama Islam tapi lambang kemerdekaan kita. Dia telah menjadi tumpuan segala orang yang melawat Ibu Kota dan semua orang pun megah dengan keindahan bentuk-nya, dengan kegagahan bangunan-nya dengan kechantean ukiran²-nya dan lain. Tetapi ada satu perkara kecil yang saya ada alami pada masa yang baharu² lepas ini iaitu kesukaran bagi orang yang hendak melawat Masjid Negara ini. Sekarang tiap² orang yang datang terutama orang² kampung datang ka-Kuala Lumpur mesti hendak tengok Masjid Negara. Ada baharu pada minggu yang lepas, ada satu rombongan orang² kampung datang hendak pergi masuk, tidak boleh masuk dan dudok dipadang kereta dan oleh kerana orang kampung ini ada keperchayaan chara orang kampung yang biasa, yang membawa botol pun ada, hendak minta ayer berkat Masjid Negara, hendak pergi ambil ayer dari Masjid Negara, ayer dari paip—tidak boleh! Terpaksa di-hulurkan botol kepada penjaga itu pergi mengambil ayer, pergi ka-mari dan dudok-lah di-tengah padang kereta itu di-tengah² panas. Jadi, sa-hingga begitu ketat sa-kali kawalan-nya. Jadi kalau boleh di-jengok, macham mana gaya pun saya rasa, tetapi harus di-beri kemudahan² oleh kerana terlalu banyak orang datang dan semua-nya menuju hendak menengok Masjid Negara supaya mengadakan pegawai² khas yang boleh memandu terus tidak payah minta tulis surat dahulu, ada kebenaran dahulu, kerana saya tengok tempat² lain yang besar², memang ada di-khaskan dua, tiga orang menjadi pemandu, di-tempat lain pun bawa tunjuk bila kita pergi sahaja ada pemandu menerangkan sedikit sa-banyak kepada kita. Jadi orang pun dengan senang hati datang menengok dengan senang hati, balek ka-kampung mencheritakan macham mana hal Masjid Negara ini. Jadi saya rasa kemudahan² melawat Masjid Negara ini patut-lah di-beri.

Kemudian yang terakhir sa-kali saya hendak sentoh muka 52 S. 7 Surohanjaya Gaji dan saya rasa saya bersetuju-

lah dengan pendapat yang di-keluarkan oleh Ahli Pasir Puteh tadi fasal Surohanjaya Gaji ini. Surohanjaya gaji ini—kita susah hati—apa fasal lambat perjalanan-nya? Apa yang kita hendak tahu, apa-kah yang mengendalkan Surohanjaya Gaji ini menjalankan tugas-nya dengan chepat, perkara ini tidak boleh di-lengah²-kan? Hendak chepat, chuba kita tengok sekarang yang baharu² ini pekerja hutan mogok pula, kemudian pula, ada pula yang hendak mogok lagi, jadi selalu ada rasa penyesalan gaji, lepas satu, satu, lepas satu, satu. Jadi kalau kita tidak chepat memberi kesempatan Surohanjaya ini berjalan, tentu barangkali banyak perasaan tidak puas hati itu akan merebak dengan meluas-nya. Kemudian kerja-nya bukan pula chepat pada menjalankan tugas Surohanjaya Gaji ini, masa sa-tahun atau dua tahun barangkali hendak mengambil semua keterangan hendak di-buat pertimbangan. Itu menghilangkan masa, Tuan Pengerusi. Jadi kalau sekarang di-mulakan pekerjaan ini, bila hendak habis tugas ini? Lima tahun lagi? Sa-puloh tahun lagi? Ini yang menjadikan tanda tanya yang besar kepada bukan sahaja pegawai² Kerajaan tetapi orang ramai. Jadi kita ada-lah di-nasihatkan supaya di-segerakan-lah Surohanjaya ini menjalankan tugas. Kalau ada barangkali anggota-nya yang tidak dapat datang, tidak-lah boleh di-tukar dengan anggota yang boleh mengambil bahagian dan menjalankan tugas dengan sa-berapa segera yang boleh. Kerana ini ada-lah merupakan satu national urgency yang tidak dapat di-elakkan dan tidak dapat di-lambatkan perjalanan-nya. Terima kaseh.

Enche' Ramli bin Omar (Krian):

Tuan Pengerusi. Saya hendak berchakap sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, ia-itu dalam S. 5. Surohanjaya Perkhidmatan Awam. Bagi menyentoh masa-lah ini, saya suka menyatakan dalam Dewan ini ia-itu chara² menjalankan kerja pemilihan yang saya dapat aduan tidak puas hati, kerana saya dengar kelewatan untuk memilih chalun² sa-hingga 5 atau 6 bulan. Jadi si-peminta ini maseh menunggu keputusan. Dengan sebab lambat-nya lima, enam bulan, si-peminta itu memohon jawatan

lain. Itu yang pertama-nya, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, saya suka menyatakan ia-itu banyak jawatan² MAS dan MCS yang saya dengar-lah dalam negara kita ini banyak maseh kosong dan tidak tahu apa-kah sebab-nya, Tuan Pengerusi, tidak di-ishtiharkan untuk mengambil pegawai² MAS dan MCS itu. Oleh kerana, yang mana saya dapat tahu, bahawa banyak penuntut² yang keluar daripada sekolah menengah dan daripada university, banyak telah keluar daripada university. Jadi, ini-lah yang penting-nya. Saya rasa elok, molek sangat-lah Tuan Pengerusi menguntokkan masa saya.

Jadi, pada akhir-nya, sedikit sangat-lah hendak beruchap mengambil bahagian dalam membahathkan berkenaan dengan Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam ini. Jadi, tadi saya ada mengikut perbahathan ini saya terdengar kenyataan daripada Ahli Yang Berhormat sahabat saya daripada Bachok mengatakan ia-itu tok kong, sa-buah tok kong—ini-lah perkara yang besar saya hendak memberi penjelasan dan saya datang daripada Perak. Ada sa-buah tok kong di-namakan Sheikh Abdullah dan tok kong ini, kata-nya, antara lain, Ahli Yang Berhormat ini di-beri bantuan oleh PLB dan seterusnya tok kong ini telah di-buka oleh tuan Pegawai Daerah. Jadi saya keluar dari Dewan dan talipon ka-D.O. Tapah. D.O. Tapah menafikan apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi semua-nya tidak berasas sama sa-kali.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: (Bachok): Ini dia rengkasan exhibit dia—document di-dalam ini—dia punya potongan—Majallah *Pengasoh* daripada *Utusan Melayu*, berita daripada Tapah 9hb Pegawai Jajahan, nama Enche' Ahmad Daud bin Dahlan—documentary evidence! Can you deny this? (Ketawa).

Sa-orang Ahli: Mana itu, Tuan Pengerusi?

Enche' Ramli bin Omar: Bila saya berjumpa dia di-luar Ahli Yang Berhormat itu kata kita politicians, jadi

bila politician, apa kita kata dalam Dewan ini, mesti-lah perkara yang benar, tidak-lah mahu kita sebutkan dengan panjang lebar itu. Ia-itu banyak yang bohong. Tuan Pengerusi apa-kah benda itu? Tuan Pengerusi, sebab masa sudah suntok saya

Mr Chairman: Ramai sangat bangun jadi sa-orang jadi-lah.

Enche' Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat itu bukan main lagi indah-nya pantun seloka-nya dalam Dewan ini, jadi saya juga hendak berpantun sebab pantun Ahli Yang Berhormat sahabat saya daripada Kuala Trengganu tidak berapa tepat, jadi saya rasa, Tuan Pengerusi, pantun saya ini lebeh tepat lagi, khas-nya terhadap Ahli Yang Berhormat sahabat saya itu—

Siakap senohong,

Galama ikan duri,

Selalu sangat berchakap bohong,

Lama² jadi bapak penchuri.

Terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi boleh saya jawab dengan pantun dengan tidak payah bacha, saya boleh menjawab dengan tidak payah bacha, boleh saya buat pantun, kalau Tuan Pengerusi izinkan?

Mr Chairman: Dengan sebab ada berkenaan dengan Yang Berhormat sendiri, boleh-lah jawab.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Hendak jawab sekarang?

Mr Chairman: Ya, jemput.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Jangan suka berchakap besar,

Akibat-nya nanti terlalu burok,

Kalau selalu berchakap kasar,

Nanti kena pukulan terok.

(Ketawa).

House resumes

Mr Speaker: I have to report that the Committee of Supply on Supply Bill 1965 has progressed up to Head S. 11.

Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 10 pagi hari Ithnin, 29 haribulan.

Adjourned at 1 p.m.